

Buletin unisZA

Bil. 10

Ogos 2013

ISSN 2180-0235



“UniSZA perlu memberi penekanan untuk memajukan pusat pengajian Islam moden, melahirkan pakar perubatan dan aktif dalam menjalankan kajian dalam bidang pertanian, bioteknologi dan sains makanan.”

Pengerusi LPU

Pengurusan Tertinggi

Prof. Dr. Yahaya Ibrahim
Naib Canselor

Prof. Dr. Amran Ahmed
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)

Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Prof. Dr. Kamaruddin Mohd Said
Penolong Naib Canselor

Nordin Jusoh
Pendaftar

Shakimah Endut
Bendahari (Pemangku)

Dato' Prof. Dr. Hussin @ Mohammad Ab. Rahman
Penasihat Undang-undang

Sidang Pengarang

Prof. Madya Dr. Kamarul Shukri Mat Teh
Penerbit UniSZA

Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee
Pusat Komunikasi Korporat, Industri dan Antarabangsa

Dr. Bahyah Abdul Halim
Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan

Dr. Wan Nor Shuhadah Wan Nik
Fakulti Informatik dan Komputeran

Dr. Nalini a/p Arumugam
Fakulti Pertanian, Bioteknologi dan Sains Makanan

Mohd Shahrizal Nasir
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Mohamad Hafis Amat Simin
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Ahmad Termizi Ab Aziz
Pusat Komunikasi Korporat, Industri dan Antarabangsa

Nurhana Ghazali
Pejabat Naib Canselor

Kaswadi Yusoff
Jurufoto
Pusat Komunikasi Korporat, Industri dan Antarabangsa

Zurina Mansor
Setiausaha
Penerbit UniSZA

Sumber dan Penyumbang Bahan

1. Pejabat Naib Canselor
2. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
3. Pejabat Pendaftar
4. Perpustakaan
5. Bahagian Pengurusan Akademik
6. Pusat Pengajian Siswazah
7. Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan
8. Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa
9. Fakulti Bahasa dan Komunikasi
10. Fakulti Informatik dan Komputeran
11. Fakulti Pertanian, Bioteknologi dan Sains Makanan
12. Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
13. Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi
14. Pusat Perancangan Strategik dan Indeks Prestasi Utama
15. Pusat Komunikasi Korporat dan Antarabangsa
16. Pusat Islam UniSZA
17. Pusat Keusahawanan dan Kejauharian Pelajar
18. Pusat Sukan dan Rekreasi
19. Unit Audit Dalam
20. Prof. Dr. Kamaruddin Mohd Said, Penolong Naib Canselor
21. Dr. Saravanan a/l Dharmaraj, Pensyarah FPSK
22. Dr. Nalini a/p Arumugam, Pensyarah FPBSM
23. Dr. Mohd. Hudzari Haji Razali, Pensyarah FPBSM
24. Dr. Bahyah Abd. Halim, Penyarah FPPP
25. Mohd Shahrizal Nasir, Pensyarah FBK
26. Mohd Kamir Yusof, Pensyarah FIK
27. Mohd Qayyum Shamsudim, Pelajar FUHA

Hak Cipta Terpelihara © 2013. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UniSZA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA.

Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hak Cipta © 2013

Pengarah, Penerbit UniSZA
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
Terengganu, MALAYSIA.

Tel: 09-668 7772 Faks: 09-668 7867

Laman web: <http://www.penerbit.unisza.edu.my>



KANDUNGAN

Utama	4
Malim Sarjana	6
Seminar/Bengkel/Kursus/Mesyuarat	8
Tokoh	17
Rencana	20
Pencapaian	39
UniSZA Bersama Komuniti Setempat	44
UniSZA dan Hubungan Antarabangsa	53
Sukan dan Ko-Kurikulum	59



Bengkel Pemantapan CAPs 2013 dan SETARA 2014

Selaras dengan transformasi yang telah dan akan dilakukan oleh pengurusan tertinggi universiti dan bergerak selari dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), Pusat Perancangan Strategik & Indeks Prestasi Utama (PPS-KPI) dengan kerjasama Jabatan Pendaftar telah menganjurkan Bengkel Pemantapan CAPs UniSZA 2013 dan SETARA 2014. Bengkel tersebut telah berlangsung selama tiga hari iaitu pada 13-15 Mei 2013 bertempat di Swiss Garden Resort & Spa, Kuantan. Bengkel ini diadakan susulan daripada Bengkel Pemantapan Organisasi dan KPI 2013 yang diadakan di Awana Kijal pada 5-7 April 2013.

Bengkel yang telah diatur rapi oleh pihak urus setia itu dihadiri oleh seramai 41 orang peserta yang terdiri daripada pengurusan tertinggi universiti, pegawai kanan universiti, ketua-ketua CAPs serta penyelaras data dan kualiti fakulti. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof. Dr. Amran Ahmed.

Seiring dengan perubahan kepimpinan universiti pada tahun 2013, PPS-KPI telah diberi tanggungjawab yang lebih besar dan akan menjadi tunggak utama dalam pembangunan, perancangan dan pengurusan strategik untuk membantu pihak pengurusan tertinggi universiti dalam perancangan, pelaksanaan, pemantauan, penyemakan semula serta melihat kualiti secara menyeluruh termasuk modal insan dan

sistem. Oleh itu, dalam merancang dan merangka perancangan strategik universiti, tujuh teras PSPTN dan 13 Projek Agenda Kritikal (CAPs) dijadikan panduan dalam memastikan universiti berkembang sejajar dengan hala tuju Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Beberapa objektif telah digariskan bagi menjayakan bengkel ini iaitu menjelaskan objektif strategi, petunjuk prestasi utama dan operasi definisi kesemua 13 CAPs 2013, menyemak, mengemaskini dan menjarar semula agihan sasaran CAPs 2013 serta menetapkan sasaran CAPs 2014 dan 2015. Selain itu, bengkel ini diharap dapat mengenal pasti masalah yang dihadapi dalam mencapai sasaran yang ditetapkan.

Bengkel CAPs 2013 tersebut telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Cadangan dan pelan pelaksanaan yang dikemukakan adalah hasil daripada penggembelangan pemikiran, usaha dan kemahuan peserta demi memastikan UniSZA setaraf dengan IPTA lain di samping mengukuhkan peranan istimewanya yang memanfaatkan ilmu demi faedah insan.

Naib Canselor, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim, dalam ucapan penutupnya melahirkan rasa puas hati dengan perjalanan bengkel ini dan berharap agar sasaran KPI CAPs bagi tahun 2013 dapat dicapai dengan kerjasama seluruh warga UniSZA.

Ahli Lembaga Pengarah Universiti 2013

Bil	Nama	Jawatan
1	Tan Sri Dato' Hj. Alimuddin Hj. Mohd Dom	Pengerusi
2	Prof. Dr. Yahaya Ibrahim	Ahli
3	Dato' Haji Mazlan Ngah	Ahli
4	Dato' Dr. Azizah Ariffin	Ahli
5	Prof. Dr. Mohd Afandi Muhamad	Ahli
6	Encik Abdul Hadi Omar	Ahli
7	Dato' Mokhtar Nong	Ahli
8	Dato' Wira Dr. Ismail Ibrahim	Ahli
9.	Encik Che Azmi Hj A. Rahman	Ahli

Merekayasa Projek Penyelidikan Ubi Gadong UniSZA 2013

Ke arah menjadi institusi yang mempunyai nilai keberhasilan tinggi dalam penyelidikan, Fakulti Pertanian dan Bioteknologi (FPB) UniSZA telah mengorak langkah memperkasakan projek penyelidikan ubi gadong. Projek penyelidikan ini mampu memberikan impak positif kepada imej UniSZA dan juga menyumbang kepada keselamatan makanan di Malaysia. Bagi memperkasa projek penyelidikan ini, FPB telah menganjurkan tiga program utama iaitu Bengkel Penataran Penyelidikan Ubi Gadong, Program Penanaman Ubi Gadong dan juga Seminar Lukisan Teknikal Botani Pertanian bagi Penyelidikan Ubi Gadong.

Program pertama iaitu Bengkel Penataran Program Penyelidikan Ubi Gadong telah dianjurkan oleh FPB dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu pada 26 – 28 Mac 2013 di Hotel Prinzpark, Kuala Terengganu.

Program ini telah dihadiri oleh kira-kira 60 orang penyelidik termasuk urusetia. Sebanyak 11 kumpulan penyelidikan yang diwakili oleh ketua penyelidik telah membentangkan projek masing-masing. Perasmian penutup program ini telah disempurnakan oleh wakil Dekan FPB, Prof. Dr. Mat Zakaria. Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah untuk bertindak sebagai platform bagi membolehkan semua penyelidik daripada 11 kumpulan penyelidikan membentangkan perkembangan hasil kajian penyelidikan ubi gadong UniSZA. Bengkel ini turut diadakan bagi memastikan penyediaan laporan interim keempat kepada pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) yang perlu dihantar pada bulan April 2013 dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Selain itu, FPB turut turun padang bersama-sama penduduk kampung bagi menjayakan Program Penanaman Ubi Gadong pada 29 April 2013 di Kampung Pasir Akar, Besut, Terengganu. Program ini telah dihadiri oleh kira-kira 37 orang penyelidik, pembantu penyelidik dan penduduk kampung. Program ini telah diketuai oleh Prof. Madya Dr. Abdul Jamil Zakaria yang merupakan ketua dalam salah satu daripada 11 projek penyelidikan ubi gadong yang bertajuk *Plot Demonstrasi Ubi Gadong*. Penanaman ubi gadong secara gotong royong ini adalah untuk meneruskan kajian penyelidikan ubi gadong di UniSZA. Program yang bermula jam 7.30 pagi dan berakhir jam 7.00 petang mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua pihak yang terlibat.

Seminar Lukisan Teknikal Botani bagi penerbitan ilmiah berilustrasi pula telah diadakan pada 7 Februari 2013 di Bilik Mesyuarat FPB dan PTM4. Penceramah jemputan adalah terdiri daripada Kurator Herbarium Sarawak, Hjh Mohizah Mohamad dan Pelukis Botani, Herbarium Sarawak, Encik Wan Omarshah Wan Putera. Peserta terdiri daripada pensyarah, tutor, pegawai sains, pembantu makmal dan pelajar siswazah kira-kira seramai 20 orang. Objektif seminar ini adalah memberi pendedahan kepada para penyelidik, pensyarah dan pelajar siswazah mengenai teknik dan asas-asas lukisan teknikal botani bagi tujuan penerbitan ilmiah berilustrasi dan monograf. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengembangkan kemahiran, kecekapan dan pengetahuan para peserta dalam lukisan botani secara teknikal dan menyeluruh serta meningkatkan kualiti penerbitan dalam kalangan para peserta.

Transformasi UniSZA

Visi dan Pelan Tindakan Naib Canselor

Oleh: Kamaruddin Said, PhD
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat)

Prof. Dr. Yahaya Ibrahim telah menyampaikan Syarahan Naib Canselor kepada warga Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pada 1 Julai 2013 yang lalu, setelah enam bulan menerajui pucuk kepimpinan universiti ini. Syarahan tersebut bertajuk *Universiti Sultan Zainal Abidin: Membina Perubahan, Menggapai Impian*. Kira-kira 1,000 orang yang terdiri daripada warga akademik, pentadbiran dan para pelajar telah menghadirinya, bertempat di dewan persidangan Taman Tamadun Islam, Pulau Wan Man, Kuala Terengganu. Isu yang dibangkitkan menerusi syarahan ini cukup menarik untuk diperkatakan secara ringkas.

Menyampaikan Syarahan Naib Canselor, mengikut tradisi universiti yang telah mantap di seluruh dunia, bukanlah satu perkara yang boleh dilakukan dengan mudah. Ini ialah kerana syarahan sebegini mengandungi pelbagai mesej besar yang perlu difahami dengan serius, dan akan menjadi pelan tindakan yang relevan kepada semua warga UniSZA. Syarahan ini bolehlah dianggap sebagai satu pengumuman visi, misi dan pelan tindakan Prof. Dr. Yahaya selaku Naib Canselor.

Prof. Dr. Yahya menyampaikan syarahannya dengan mengambil kira tiga peranannya, iaitu sebagai seorang Ketua Pegawai Eksekutif sebuah organisasi yang besar, sebagai seorang Ketua Pegawai Akademik kepada kira-kira 600 orang tenaga akademik UniSZA, dan sebagai seorang Ketua Diplomat yang membawa nama UniSZA di pentas kebangsaan dan antarabangsa. Oleh itu, dalam syarahannya, beliau menyentuh pelbagai aspek yang relevan dengan agenda transformasi UniSZA.

Kumpulan yang secara langsung menjadi sasaran syarahan tersebut adalah pelbagai, tetapi saling berkaitan satu sama lain. Pertama ialah para pegawai pengurusan tertinggi UniSZA yang terdiri daripada Timbalan-Timbalan Naib Canselor yang menjaga urusan akademik, penyelidikan dan hal-ehwal pelajar serta alumni; Penolong Naib Canselor yang menjaga hal-ehwal korporat, Pendaftar yang mengetuai pentadbiran hal-ehwal bukan akademik, Bendahari yang menguruskan hal-ehwal kewangan, dan Penasihat Undang-Undang yang meneliti implikasi perundang-undangan setiap keputusan yang dibuat oleh pihak universiti.

Kumpulan sasaran kedua ialah dekan semua fakulti dan pengarah semua institut serta pusat yang terlibat hal-ehwal pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan wacana keilmuan. Kumpulan ini dapat dianggap golongan strategik yang diharapkan berupaya menghidupkan UniSZA menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang berimpak tinggi.

Tenaga kumpulan ini juga yang diperlukan untuk membolehkan UniSZA melonjak dalam gelanggang keilmuan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Syarahan Naib Canselor ini juga ditujukan kepada warga kumpulan pentadbir dan sokongan supaya mereka faham akan visi dan misi Naib Canselor dan dapat pula melaksanakan tugas mentadbir UniSZA sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang ditadbir dengan cekap dan berkualiti.

Prof. Dr. Yahaya, menerusi teks syarahannya yang diterbitkan oleh Penerbit UniSZA dan diedarkan kepada semua hadirin, memperlihatkan strategi beliau untuk menjayakan transformasi UniSZA. Beliau ingin memulakan proses transformasi UniSZA dengan langkah mengubah perenggu minda (*mindsets*) dan budaya kerja warga UniSZA. Dengan ayat-ayat tegas tetapi mesra, beliau memberikan motivasi kepada warga UniSZA supaya bersedia mengubah perenggu minda dan budaya kerja yang sedia ada kepada suatu yang baru, yang bertenaga dan cekap, berkeyakinan serta berdaya saing. Setelah itu, beliau membenteng secara ringkas pelan tindakan yang telah, sedang dan akan dilakukan.

Terdapat juga perkara yang tidak dihuraikan menerusi syarahannya, tetapi dapat dikesan oleh para pegawai kanan yang menghadiri beberapa bengkel dan mesyuarat penting. Perkara-perkara penting ini termasuklah menyusun semula struktur organisasi dan governans, dan pembentukan satu regu kerja berkumpulan yang baru. Perubahan pucuk pimpinan beberapa pusat tanggung jawab (PTJ) diharap akan mencambahkan motivasi baru bagi membolehkan para pemimpin UniSZA bergerak gagah sebagai satu pasukan.

Prof. Dr. Yahaya telah membuat keputusan memindahkan pejabat Canselori daripada Kampus Kota di Kuala Terengganu ke kampus induk di Gong Badak, dengan tujuan merapatkan hubungan serta interaksi antara pucuk pimpinan dengan warga kampus induk. Langkah ini, walaupun sukar kerana ketiadaan bangunan yang tersedia untuk dijadikan pejabat Canselori, telah dapat dilaksanakan dengan cara meminjam bangunan Fakulti Pertanian, Bioteknologi dan Sains Makanan. Secara kebetulan, fakulti ini akan berpindah ke kampus baru di Tembila, Besut.

Transformasi kemudahan fizikal dan ruang kerja telah dirancang secara menyeluruh. Ini termasuklah rancangan pembinaan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan berserta sebuah hospital pengajaran, pembinaan kompleks asrama bagi menampung keperluan penginapan 3,000 orang pelajar, pengubahsuaian ruang asrama pelajar yang lama



untuk dijadikan ruang pengajaran dan pembelajaran, dan pembinaan sebuah kompleks Canselori. Kesemua projek ini akan dilaksanakan dalam kampus Gong Badak.

Prof. Dr. Yahaya juga telah membantu usaha menyiapkan projek pembinaan kampus Tembila di Besut, yang tergendala selama dua tahun, dan melaksanakan kerja perpindahan Fakulti Pertanian, Bioteknologi dan Sains Makanan serta Fakulti Informatik dan Komputeran ke kampus tersebut.

Dalam syarahan Naib Canselor tersebut, Prof. Dr. Yahaya telah melaporkan secara ringkas langkah yang telah dijalankan untuk membawa UniSZA ke pentas antarabangsa. Setelah membina jalinan kerjasama dengan Universiti Gaza dan Universiti al-Aqsa di Palestine, dan dengan Universiti al-Azhar serta Universiti Alexendria di Mesir, beliau telah memulakan hubungan kerja dengan Agropolis International di Perancis dan pusat penyelidikan pertanian di Universiti Wageningen, Belanda. Setelah itu beliau telah memulakan hubungan kerja dengan Universitas Indonesia dan Universitas Islam Negeri Syarif Hdayatullah di Jakarta, dan Universitas Padjadjaran, Bandung; Universitas Andalas dan Universitas Negeri, Padang, Indonesia.

Selanjutnya Prof. Dr. Yahaya telah memulakan hubungan kerja dengan Universiti Guangzhou dan Universiti Guangdong di China. Dalam masa yang sama, Prof. Dr. Yahaya telah mengusahakan pembukaan sebuah kampus cawangan UniSZA di Kuala Lumpur, dan merancang supaya UniSZA mempunyai sebuah kampus luar pesisiran (*off-shore campus*) di wilayah Guangzhou di China.

Prof. Dr. Yahaya sedang mengusahakan pelannya untuk memantapkan Pusat Pengajian Siswazah. Kemudahan penginapan bagi keluarga para pelajar siswazah serta kemudahan sekolah bagi anak-anak mereka juga telah dan sedang diusahakan. Yuran pengajian yang kompetitif bagi pelajar antarabangsa telah ditetapkan. Kesemuanya ini dilakukan dengan tujuan menarik seramai mungkin pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pelajaran di UniSZA, sama ada di kampus di Terengganu, atau pun di kampus di Kuala Lumpur dan Guangzhou.

Dalam jangka masa enam bulan, sejak Prof. Dr. Yahaya menjalan tugas sebagai Naib Canselor, UniSZA telah menubuhkan tiga buah institut kecemerlangan penyelidikan, iaitu: Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE), Institut Agropolis UniSZA, dan Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI). Tiga institut ini diharap akan menggerakkan tenaga penyelidikan di UniSZA ke tahap yang lebih tinggi dan produktif.

Naib Canselor ialah jawatan yang didampingi oleh kuasa dan kuat-kuasanya. Namun begitu, program transformasi sebuah organisasi yang besar, iaitu sebuah universiti komprehensif seperti UniSZA, tidak boleh dilaksanakan semata-mata bergantung kepada kuasa dan kuatkuasa. Transformasi UniSZA akan berjaya dilaksanakan jika pucuk pimpinan berusaha bersungguh-sungguh untuk mengubah perunggu minda dan budaya kerja seluruh warganya. Prof. Dr. Yahaya jelas telah pun memahami hakikat ini.

Bengkel Jurnal Terindeks dan Berimpak Tinggi



Penerbitan artikel ilmiah dalam jurnal-jurnal yang diindeks dalam pangkalan data berprestij dan berimpak tinggi merupakan satu tanggungjawab para pensyarah universiti. Usaha memperbanyak penerbitan artikel dalam jurnal akademik berprestij sememangnya dapat meningkatkan mutu pendidikan bagi sesebuah universiti. Seajar dengan hasrat pihak kementerian dan universiti dalam meningkatkan bilangan penerbitan artikel dalam jurnal akademik bermutu tinggi, Perpustakaan UniSZA dengan kerjasama Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) telah menganjurkan Bengkel Jurnal Terindeks dan Berimpak Tinggi bertempat di Makmal Komputer, Aras Dua, Bangunan Perpustakaan.

Program ini telah berlangsung selama dua hari bermula 18 – 19 Jun 2013. Ia melibatkan seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada para pensyarah,

pustakawan dan juga pelajar pasca siswazah. Program ini dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Amran Ahmed.

Dalam ucapan perasmianya, Prof. Dr. Amran Ahmed menyeru kepada para pensyarah dan penyelidik agar dapat memainkan peranan dan menggiatkan usaha dalam menghasilkan penerbitan yang berkualiti dan menepati kriteria yang digariskan oleh badan pengindeksan. Menurut beliau, pemilihan media penerbitan yang tepat amat penting dalam usaha untuk memastikan sesuatu hasil penerbitan itu berupaya disebar luas serta menyumbang kepada manfaat komuniti penyelidik yang lebih luas.

Perkara ini bertepatan dengan objektif penganjuran bengkel ini diadakan iaitu untuk memberi pendedahan kepada peserta dalam memahami kaedah penyediaan data penerbitan bagi memenuhi keperluan *Malaysia Research Assessment (MyRA)*, universiti penyelidikan dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) serta berkongsi pengalaman dan latihan amali mengenai *ISI Web of Science*, *Scopus*, *Journal Citation Reports (JCR)*, H-indeks dan perisian *Harzing's Publish or Perish*.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Program, Puan Hajah Faridah Muda, sambutan yang diterima untuk program ini amat menggalakkan dan reaksi yang diberikan oleh para peserta juga amat positif. Beliau turut menyatakan bahawa pihak CRIM juga telah bersetuju untuk menyalurkan peruntukan khas untuk program ini diadakan pada masa akan datang memandangkan sambutan yang amat baik diterima daripada para peserta bengkel.

Bengkel Memperkasa Kemahiran Pelajar Sarjana Muda Perakaunan

Pusat Pengajian Perakaunan, Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan (FPPP) telah mengadakan Bengkel Memperkasa Kemahiran (BMK) bagi pelajar Sarjana Muda Perakaunan pada 29 Jun hingga 2 Julai 2013 bertempat di FPPP, UniSZA Kampus Gong Badak.

Program tersebut diadakan bagi menerapkan amalan sebenar dalam kerjaya perakaunan yang juga merupakan sebahagian daripada keperluan *Chartered Accountant's Relevant Experience*

(CARE). Seramai 40 orang pelajar semester enam Sarjana Muda Perakaunan telah menyertai bengkel tersebut yang dikendalikan oleh tiga orang pensyarah perakaunan iaitu Encik Abdullah Ibrahim, Puan Yasmiza Long dan juga Cik Wan Izyani Adilah Wan Mohamad.

Bengkel ini merupakan nilai tambah kepada graduan perakaunan yang akan melangkah ke alam pekerjaan. Bengkel ini juga bertujuan untuk menghasilkan graduan perakaunan UniSZA



yang lebih berdaya saing dan berkeyakinan tinggi dalam menempuh kehidupan baru yang lebih mencabar.

Kerjaya Bidang Keusahawanan: Perkongsian Datuk Dr. Maznah Hamid



Program ini menampilkan penceramah yang juga pemilik Syarikat Securiforce Malaysia, Datuk Dr. Maznah Hamid. Tujuan utama program ini diadakan ialah untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa/i UniSZA mengenai prospek kerjaya dalam bidang perniagaan, pengurusan, keusahawanan dan bekerja sendiri.

Penganjuran program ini telah memberi motivasi yang cukup mendalam kepada para peserta yang rata-rata sangat berminat untuk memajukan diri dalam bidang keusahawanan. Selain itu, para peserta dapat menimba ilmu dan berkongsi maklumat secara lebih dekat dan mendalam khusus dalam bidang keusahawanan, di samping mengubah persepsi negatif mereka untuk menceburi bidang tersebut.

Bidang keusahawanan merupakan satu bidang yang jarang menjadi impian para graduan universiti. Rata-rata para graduan lebih memilih untuk berkecimpung dalam perkhidmatan sama ada di institusi-institusi kerajaan mahupun swasta. Kluatir berdepan dengan risiko menjadi seorang usahawan merupakan antara penghalang utama lahirnya graduan yang terlibat dalam bidang keusahawanan.

Bagi menggalakkan para graduan UniSZA terlibat dalam bidang keusahawanan, Unit Kaunseling & Kerjaya HEPA telah mengadakan Program Executive Talk Bersama Datuk Dr. Maznah Hamid (Kerjaya dalam Bidang Keusahawanan) bertempat di Dewan Kuliah Utama, UniSZA Kampus Gong Badak. Program yang disertai oleh seramai 167 orang peserta ini telah diadakan pada 11 Mei 2013.



Bengkel Pemantapan Solat

Pusat Islam di bawah Biro Takmir Masjid & Dakwah telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Solat yang disasarkan khusus kepada anak-anak staf UniSZA pada 24 – 26 Mac 2013 di Masjid UniSZA. Bengkel yang diadakan selama tiga hari ini dapat menarik seramai 72 orang anak-anak kakitangan UniSZA yang berusia di antara 6-13 tahun.

Bertemakan *Solat Berkualiti Menjana Insan Rabbani*, bengkel ini telah memberikan pendedahan tentang kepentingan ibadat solat dan perkara yang berkaitan dengan adab-adab seharian. Ia juga

bertujuan untuk meningkatkan kefahaman tentang teori solat dan memantapkan praktikal sama ada dari segi perbuatan mahupun bacaan dalam solat. Bengkel ini juga bertujuan untuk memperbaiki secara teori dan praktikal tentang solat Jamak dan Qasar. Bengkel sebegini diharap berupaya menjadi salah satu penyumbang untuk melahirkan anak-anak yang soleh dan pintar dalam penghayatan agama serta menjadi aset yang penting kepada pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan negara.



Kursus Asas Pembimbing Rakan Siswa 2013

Menyedari peranan Seksyen Kaunseling dan Kerjaya sebagai pusat sokongan bagi melahirkan mahasiswa/i yang bersahsiah cemerlang, Seksyen Kaunseling dan Kerjaya HEPA telah mengadakan satu Kursus Asas Pembimbing Rakan Siswa (PRS) bertempat di Peladang Setiu Agro Resort pada 4 hingga 6 April 2013.

Kursus ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada ahli PRS berkaitan peranan dan tanggungjawab mereka di samping menerapkan kemahiran-kemahiran asas menolong. PRS merupakan mahasiswa/i yang telah dilatih dalam kemahiran komunikasi dan kemahiran asas kaunseling. Mereka berfungsi sebagai rakan yang berkesan, terutama kepada rakan yang memerlukan pertolongan. Mereka tidak memberi nasihat atau menyelesaikan masalah tetapi mereka menjadi pembimbing, pendengar yang empati, berminat, mengambil berat dan rela memberi pertolongan kepada rakan lain. Selain itu, kursus sebegini juga dapat melatih ahli PRS mempelajari aspek perkembangan diri untuk membina peribadi yang teguh serta membangunkan bakat kepimpinan dalam diri dan orang lain sebagai seorang PRS UniSZA.

Kursus ini telah dirasmikan oleh Pegawai Psikologi Kanan UniSZA, Puan Rosni Mohammad dan dihadiri oleh seramai 43 orang PRS UniSZA, dan 20 orang ahli pembimbing rakan sebaya beserta dua orang guru pengiring dari sekolah-sekolah menengah sekitar Kuala Terengganu. Antara sekolah yang terlibat ialah

Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Kemunting, Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Mizan Zainal Abidin, Sekolah Menengah Kebangsaan Kompleks Gong Badak, Sekolah Menengah Kebangsaan Kompleks Mengabang Telipot dan Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim Fikri.

Antara pengisian menarik yang dijalankan ialah lima slot ceramah berkaitan kemahiran menolong yang disampaikan oleh lima orang Pegawai Psikologi UniSZA. Para peserta turut didedahkan dengan aktiviti *team building* seperti kayak dan *flying fox* bagi menguji ketahanan diri dan minda sebagai persediaan untuk menjadi pembimbing. Rata-rata peserta program sangat berpuas hati dengan penganjuran kursus ini dan berharap kursus sebegini dapat diadakan lagi pada masa akan datang.



Program Penguasaan Bahasa Arab Bagi Pelajar FPPP

Bahasa Arab termasuk dalam kumpulan sepuluh bahasa utama dunia. Penggunaan bahasa Arab dapat dilihat dalam pelbagai bidang termasuk agama, ekonomi, perundangan, pendidikan, pelancongan dan sebagainya. Dalam era globalisasi hari ini, bidang ekonomi dan perbankan Islam mendapat sambutan amat baik daripada banyak pihak termasuk institusi yang penubuhan asalnya tidak berteraskan Islam. Sektor ekonomi dan perbankan sedang giat memperkenalkan produk-produk berasaskan sistem Islam.

Berdasarkan senario semasa ini, penguasaan bahasa Arab dilihat sebagai satu keperluan kepada pelajar bagi melahirkan graduan yang lebih kompeten dalam bidang masing-masing. Program Penguasaan Bahasa Arab (*Barnamij al-Ta'ziz al-Lughawi*) bagi pelajar Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan (FPPP) telah berlangsung selama dua semester. Kemuncaknya ialah penganjuran Majlis Penutup yang diadakan pada 22 Mei 2013 bertempat di Dewan Kuliah Utama, Kampus Gong Badak, UniSZA.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Dekan Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), Puan Azizah Endut. Turut hadir Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar) FBK, Dr. Mohd Nazri Latiff Azmi; wakil Ketua Pusat Pengajian Bahasa Arab FBK, Encik Mohd Hazli Alias; dan penyelarar program Encik Mohd Shahrizal Nasir serta warga pendidik Pusat Pengajian Bahasa Arab, FBK. Program ini merupakan cetusan idea mantan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU)

iaitu Dato' Zolkipli Abdul yang berhasrat melahirkan kumpulan graduan daripada bidang Kewangan Islam dan Pengurusan Risiko & Takaful yang mampu menguasai bahasa Arab. Tanggungjawab telah diberikan kepada Pusat Pengajian Bahasa Arab, FBK untuk melaksanakan program ini dengan melibatkan 162 orang pelajar termasuk empat orang pelajar bukan Islam. Program ini memberi fokus kepada aspek komunikasi bahasa Arab. Semua pengisian program ini telah dirangka secara teliti bagi mencapai objektif penganjurannya.

Dalam ucapan penutupan program ini Puan Azizah Endut menasihatkan para pelajar agar terus mempraktikkan penggunaan bahasa Arab yang telah dipelajari selama dua semester ini dan jangan sesekali berasa malu untuk bercakap. "Jika kita tidak bercakap, kita tidak akan dapat tahu di mana kesilapan kita dalam berbahasa." katanya yang turut menegaskan bahawa bahasa Arab perlu dilihat sebagai satu bahasa global yang penting. Dengan adanya pengetahuan berbahasa Arab, diharapkan graduan FPPP UniSZA dapat bersaing dalam dunia pekerjaan yang terbaik pada masa akan datang.

Majlis Penutup diserikan dengan persembahan *Kalam Jama'i* (Bicara Berirama) dan tayangan klip video bahasa Arab. Hadiah turut disampaikan kepada pemenang pertandingan *al-Munazarah* (Debat), *Taqdim al-Mashru'at* (Pembentangan Projek) dan pembikinan klip video bahasa Arab.



Program Syarahan Eksekutif & Peluang Kerjaya Bersama Talent Corp Malaysia dan FSTEP

Unit Kaunseling & Kerjaya HEPA telah mengadakan Program Syarahan Eksekutif Bersama Talent Corp Malaysia dan FSTEP pada 24 Mei 2013 bertempat di Dewan Kuliah Utama, UniSZA. Program ini telah disertai oleh seramai 102 orang mahasiswa/i dari UniSZA, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Dungun, Kolej Universiti Bestari, dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Objektif program ialah untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa/i UniSZA mengenai prospek kerjaya yang boleh dipohon dan diceburi setelah bergraduasi nanti. Selain daripada itu, program ini juga membuka peluang kepada mahasiswa/i alumni dan tahun akhir untuk memohon pekerjaan dengan pihak industri setelah selesai menamatkan pengajian di peringkat diploma dan ijazah.

Menerusi program syarahan eksekutif ini, pihak Talent Corp Malaysia telah mengadakan dua slot iaitu, slot pertama mengenai *Graduate Employability Management Scheme (GEMS)* yang ditawarkan secara umum kepada graduan yang baharu menamatkan pengajian dan slot kedua *Upskilling Programme* yang dikhususkan kepada kemahiran tinggi bagi pelajar lepasan Kejuruteraan, Teknologi Maklumat dan Reka Bentuk Perindustrian. Pihak FSTEP pula lebih menjurus ke arah bidang keusahawanan, perniagaan dan pengurusan.



Penganjuran program sebegini dapat membantu pelajar terutama graduan tahun akhir untuk bersedia menghadapi alam kerjaya selepas bergraduasi nanti.

IFIS Sediakan Maklumat Penerbitan dalam Jurnal Penyelidikan Antarabangsa

Fakulti Teknologi Makanan telah menganjurkan seminar *How to Increase Your Chances of Getting Published in International Research Journals*. Seminar ini diselenggarakan oleh Richard Hollingsworth,

Pengarah Urusan International Food Information Service (IFIS). Matlamat utama seminar ini adalah untuk menyampaikan ilmu sains yang berkaitan dengan teknologi makanan bagi menggalakkan peserta menerbitkan jurnal penyelidikan dalam bidang teknologi makanan. Seminar ini telah diadakan pada 30 April 2013 bertempat di Dewan Auditorium Perpustakaan, UniSZA Kampus Gong Badak.

IFIS beribu pejabat di Reading, United Kingdom, merupakan sebuah pertubuhan bukan keuntungan. IFIS mempunyai reputasi yang tinggi dari aspek pembelajaran, pembangunan, penyelidikan, integriti saintifik, ketepatan, kualiti dan kecemerlangan dalam bidang teknologi makanan. IFIS turut menghasilkan pangkalan data FSTA® yang berprofil tinggi, meliputi kajian-kajian saintifik teknologi makanan, minuman, nutrisi dan disiplin berkaitan. Seramai 50 orang peserta menghadiri seminar ini yang terdiri daripada para pelajar siswazah dan ahli akademik dari Universiti Malaysia Terengganu, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan Fakulti Pertanian dan Bioteknologi. Seminar ini dirasmikan oleh Dekan Fakulti Teknologi Makanan, Prof. Dr. Che Abdullah Abu Bakar.



FTM Himpunkan Ahli Akademik dan Pelajar Bidang Sains dan Teknologi Makanan



Seminar *8th Food Science and Technology* telah dianjurkan oleh Fakulti Teknologi Makanan (FTM), UniSZA dengan kerjasama *Malaysian Institute of Food Technology* (MIFT). Matlamat utama program ini adalah untuk menyediakan platform bagi memberi ruang dan peluang kepada para pelajar untuk membentangkan hasil kajian dan juga menyertai aktiviti pertandingan yang diadakan. Ia secara tidak langsung akan mengasah kemahiran insaniah dan juga memupuk semangat kerjasama dalam kumpulan para pelajar.

Program ini telah diadakan pada 15 hingga 16 Mac 2013 bertempat di Auditorium Blok Akademik dan Auditorium Perpustakaan, UniSZA Kampus Gong Badak. Seramai 450 peserta yang menghadiri program ini yang terdiri daripada para pelajar dan ahli akademik dalam bidang sains dan teknologi makanan dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta antaranya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti

Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), UniSZA, Monash University, Taylor's University, UCSI dan UiTM.

Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UniSZA, Prof. Dr. Amran Ahmed. Ucapan utama seminar pula disampaikan oleh Pengarah Urusan, Madura Industries Sdn. Bhd., Encik Zakaria Jusoh. Antara aktiviti yang diadakan sepanjang berlangsungnya program ini adalah pembentangan lisan dan poster daripada hasil kajian pelajar siswazah serta pertandingan Pembangunan Produk Makanan Inovatif, *Food Bowl Quiz* dan *Oratory*. Pemenang bagi pertandingan pembentangan lisan dan *Food Bowl Quiz* akan mewakili Malaysia untuk bertanding di peringkat ASEAN yang akan berlangsung pada bulan September 2013 di Singapura.

Sesi Pengenalan dan Latihan Penggunaan Sistem MyGrants

Pusat Pengurusan dan Penyelidikan Inovasi (CRIM) dengan kerjasama Bahagian Perancangan Kecemerlangan IPT (BPKI), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengadakan sesi pengenalan dan latihan penggunaan Sistem Permohonan Geran FRGS Fasa 2/2013 melalui portal MyGrants pada 21 Mei 2013 di Makmal Komputer, Blok Khadijah, UniSZA Kampus Gong Badak.

Antara objektif sesi ini adalah untuk memudahkan proses permohonan dan penilaian dalaman yang lebih bersistematik serta menjadi medan perkongsian maklumat penyelidikan di antara para penyelidik di pelbagai universiti. Sistem MyGrants ini akan diguna pakai untuk permohonan FRGS Fasa 2/2013 yang akan dibuka mulai 15 Julai 2013.

Sesi latihan ini dikendalikan oleh Pasukan Pelaksana Portal MyGrants (KPT), Encik Qayuum Harun dan Encik Ramdan Razali. Seramai 22 orang peserta yang terdiri daripada penilai penyelidikan dan penyarah dari pelbagai fakulti telah mengikuti program ini.

Para penyelidik diberi pendedahan dan latihan dalam proses permohonan Geran FRGS secara *online*. Selain itu, latihan proses penilaian Geran FRGS secara *online* kepada penilai penyelidikan UniSZA turut dilaksanakan.

Pihak CRIM merakamkan ucapan terima kasih kepada penilai penyelidikan, para peserta dan semua yang terlibat dalam program berkenaan yang telah berjalan dengan sempurna.



Tambah Ilmu Melalui Ceramah Wanita Hebat Lagi Memikat



Pada 4 Julai 2013, Pusat Islam UniSZA telah menganjurkan satu ceramah khas untuk kaum wanita bertajuk *Wanita Hebat Lagi Memikat*. Ceramah yang disampaikan oleh penceramah selebriti TV9 yang terkenal iaitu Ustazah Nor Hafizah Musa ini berlangsung

selama lebih kurang dua jam dan berjaya menggamit kehadiran ramai peserta sehingga memenuhi ruang solat masjid. Penyampaian ceramah yang bertenaga ini dihadiri oleh staf dan pelajar UniSZA serta komuniti setempat.

Inti sari utama ceramah berkenaan memfokuskan kepada pembinaan diri setiap wanita untuk tampil hebat dan memikat. Penceramah berkongsi tip-tip untuk menambahkan kualiti keterampilan kaum wanita dari sudut jasmani dan rohani. Pembinaan kualiti diri yang seimbang antara kedua-dua sudut ini berupaya melahirkan wanita yang sempurna dan mampu memukau sama ada kawan mahupun lawan.

Program ini berjaya mencapai objektif utamanya iaitu memberi peluang dan ruang kepada para peserta untuk menambahkan ilmu pengetahuan bagi dijadikan panduan dan dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

Transformasi Jawatankuasa Audit UniSZA



Selaras dengan pelan tranformasi UniSZA yang diperkenalkan oleh Naib Canselor, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim, Jawatankuasa Audit telah mengorak langkah melakukan reformasi pentadbiran bagi merealisasikan tema 'Pengurusan Mesra & Efektif'. Pada 4 April 2013, Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 28/2013 telah meluluskan pelantikan Ahli Jawatankuasa Audit UniSZA (JKA) baharu yang terdiri daripada Dato' Haji Mokhtar Nong selaku Pengerusi, Prof. Dato' Wira Dr. Ismail Ibrahim dan Dato' Prof. Dr. Hussin @ Mohammad Ab. Rahman sebagai ahli, manakala Ketua Unit Audit Dalam bertindak sebagai setiausaha.

Pelantikan ini adalah susulan daripada keahlian JKA lama yang terdiri daripada Tan Sri Prof. Emeritus

Dato' Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman selaku pengerusi, dan Dato' Mohd Jidin Shafee selaku ahli telah tamat tempoh keanggotaan dalam Lembaga Pengarah Universiti pada Disember 2012, manakala seorang lagi ahli lama, Encik Abdul Hadi Omar telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib UniSZA.

Pada 28 April 2013 ahli JKA yang baharu telah bersidang buat pertama kali dalam Mesyuarat JKA Kali ke-19 di Bilik Mesyuarat 1 UniSZA Kampus Gong Badak. Mesyuarat JKA kali ke-19 tersebut telah meluluskan empat laporan auditan yang telah dilaksanakan pada akhir tahun 2012.

Transformasi Pemilihan Pemakanan

Langkah pihak kerajaan dalam mencapai kriteria dalam Rancangan Millennium Development Goals (MDGs) 2015 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) khususnya dalam aspek kesihatan adalah merencanakan pelan pembangunan kesihatan yang baik untuk rakyat Malaysia. Selaras dengan usaha pihak kerajaan dalam mempromosikan kesihatan kepada rakyat, UniSZA telah melaksanakan satu Program Pemakanan Sihat 2013 yang telah diadakan pada 8 Mei 2013 bertempat di Dewan Auditorium Perpustakaan UniSZA Kampus Gong

Badak dengan anjuran bersama Dietetic Students Association (DECSA) daripada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dan Jabatan Pendaftar UniSZA. Pelaksanaan utama Program Pemakanan Sihat 2013 ini diadakan bagi menyahut saranan Kementerian Pengajian Tinggi berkenaan Pelan Tindakan Nasional melalui Program Kesihatan Remaja. Transformasi Pemilihan Pemakanan dipilih sebagai tajuk program dalam mempromosikan pemakanan sihat dan merupakan platform bagi menyebarkan informasi terkini mengenai kesihatan.

Seramai 88 orang peserta terdiri daripada 55 orang staf UniSZA dan selebihnya pelajar-pelajar



kejururawatan telah bersama-sama memeriahkan program kesihatan tersebut. Majlis dimulakan dengan bacaan doa dan dirasmikan oleh Pemangku Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Prof. Madya Dr Nik Wan Omar. Terdapat empat slot pengisian minda bermula dengan *Transformasi Pemilihan Pemakanan Sihat 2013* oleh Puan Che Suhaili Che Taha, Pensyarah Dietetik FPSK, pengisian rohani oleh Ustaz Suhaimi Mohamad dari Pusat Islam UniSZA dengan *Pemakanan dalam Islam*, *Pemakanan Kesihatan Tambahan* oleh Prof Dr Ahmad Syukri Yazid dari Avail Beauty dan daripada Dr Aryati Ahmad, Pensyarah Dietetik FPSK bertajuk *Thin Outside Fat Inside*.

Program turut dimeriahkan dengan aktiviti pemeriksaan kesihatan percuma, demonstrasi masakan sihat oleh pelajar DECSA/FPSK dan terdapat beberapa gerai pameran dibuka seperti Aman Palestin, Eversweet Product dan Avail Beauty.

Program ini dilihat berupaya menjadi pemangkin kepada amalan gaya hidup yang lebih sihat dan meningkatkan kerjasama dan koordinasi antara pusat tanggungjawab, fakulti dan pelbagai agensi terlibat dalam kefahaman pengetahuan serta kemahiran tentang ilmu pemakanan kesihatan.



Program Akademik Bersama Profesor Adjung FUHA

Pada 19 Mei 2013, Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) telah mengadakan Program Akademik Bersama Tun Dato' Seri Dr. Zaki Tun Azmi iaitu Mantan Ketua Hakim merangkap Profesor Adjung FUHA. Program tersebut merangkumi dua sesi iaitu sesi Syarahan Akademik oleh beliau dan sesi kedua adalah kelas *Advocacy and Mooting (Moot Court)*.

Syarahan Akademik yang bertajuk *Judicial Independence: The Malaysian Experience* telah diadakan pada jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengahari. Seramai 156 orang peserta telah menghadirinya terdiri daripada Pengerusi Lembaga Pengarah UniSZA, Tan Sri Dato' Haji Alimuddin Haji Mohd Dom, wakil-wakil dekan, Jawatankuasa Peguam Negeri Terengganu, pegawai-pegawai polis, para pensyarah UniSZA dan pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang FUHA. Tujuan syarahan ini diadakan adalah untuk membangunkan jati diri dan nilai spiritual dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi FUHA

bagi menjana pembentukan masyarakat madani dan modal insan cemerlang. Pengisian yang dikongsikan oleh penceramah amat berguna bagi melahirkan graduan bidang undang-undang yang memiliki jati diri berintegriti tinggi bagi mendepani cabaran dalam dunia perundangan.

Sesi kedua iaitu kelas *Advocacy and Mooting* pula telah diadakan pada jam 2.00 petang hingga 3.00 petang bertempat di Mahkamah Mut FUHA. Kelas ini melibatkan pelajar tahun dua dan tahun akhir bagi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian dan dikendalikan oleh Profesor Adjung FUHA. Kelas ini diadakan untuk memberi pengetahuan dan asas praktikal kepeguaman dalam kerjaya seorang peguambela dan peguamcara. Dengan pendedahan dan perkongsian yang diberikan secara lebih praktikal ini, ia diharap dapat membantu para pelajar dalam meningkatkan kebolehan dan kemampuan diri sebelum berkecimpung dalam kerjaya perundangan kelak.

UniSZA Dipilih Menjadi Tuan Rumah Mesyuarat MOLEC



UniSZA telah diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Malaysian Online E-resources Consortium (MOLEC) pada tahun ini. Mesyuarat MOLEC ini telah diadakan pada 22 April 2013 bertempat di Bilik Mesyuarat 1, Kampus Gong Badak, melibatkan wakil-wakil dari Perpustakaan Negara Malaysia, 20 wakil perpustakaan dari Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), empat wakil Government Listed Company (GLC), lapan wakil kerajaan dan juga agensi perpustakaan bukan kerajaan.

Mesyuarat yang diadakan pada setiap tahun ini bertujuan untuk mewujudkan dan mempromosikan perkongsian maklumat dalam kalangan universiti dan perpustakaan yang terlibat. Selain itu, ahli-ahli juga dapat berbincang dan menyuarakan apa jua masalah terutamanya mengenai senario yang dihadapi oleh

para pustakawan dalam memastikan harga produk yang ditetapkan oleh pembekal tidak melambung tinggi.

Menurut Puan Sofiah Khalid, yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa Penganjur, sambutan yang diterima daripada ahli amat menggalakkan dan respon yang diberikan juga amat baik.

Selain itu, terdapat aktiviti-aktiviti lain yang turut dijalankan seperti persembahan produk daripada pembekal-pembekal pangkalan data yang terlibat. Mesyuarat ini juga bertujuan untuk menggalakkan kerjasama yang erat antara ahli dan pembekal selain memajukan industri maklumat yang semakin berkembang pesat selaras dengan tuntutan semasa.





Sejenak Bersama Pengerusi LPU Tan Sri Dato' Hj Alimuddin Hj Mohd Dom

Rasanya tidak terlewat bagi kami warga UniSZA mengucapkan tahniah atas pelantikan YBhg Tan Sri sebagai Pengerusi LPU. Terima kasih kerana YBhg Tan Sri sudi meluangkan masa untuk ditemu bual dalam kesibukan YBhg Tan Sri.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada anda yang sudi menemu ramah saya pagi ini. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Dato' Seri Khaled Nordin, mantan Menteri Pengajian Tinggi yang telah melantik saya sebagai Pengerusi LPU UniSZA bermula awal tahun ini. Ini merupakan satu penghormatan kepada saya sungguhpun perkhidmatan saya sebelum ini lebih tertumpu kepada pendidikan di sekolah rendah dan menengah kini diberi peluang untuk berkhidmat dengan universiti. Saya akan menggunakan tempoh peralihan saya selama tiga tahun ini untuk memberikan yang terbaik kepada UniSZA.

Apakah agenda utama YBhg Tan Sri buat UniSZA khususnya yang melibatkan 'Pengajaran dan Pembelajaran'?

Pada pandangan saya bidang penyelidikan perlu diberi keutamaan. Di samping itu pengajaran dan pembelajaran juga hendaklah turut berasaskan perkembangan ICT. Selain itu para siswa perlu dilatih untuk menjadi pemimpin. Latihan yang berbentuk kepimpinan hendaklah diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Siswa hendaklah diberi pendedahan luas dalam melakukan kerja-kerja lapangan, menyediakan kertas-kertas projek dan mengambil tahu akan hal masyarakat sekitarnya. Dengan kata lain, universiti mesti berperanan sebagai tempat untuk melatih siswa menjadi orang yang berketrampilan apabila mereka keluar daripada universiti nanti. Dalam hal ini tanggungjawab besar adalah terletak di tangan pensyarah-pensyarah dan pihak pengurusan universiti.



Apakah pembangunan holistik yang YBhg Tan Sri kira perlu diambil bagi menjaga kepentingan dan kebajikan *stakeholder* UniSZA?

Sebagaimana yang kita tahu, terdapat tiga pihak penting di universiti iaitu siswa, pensyarah dan pihak pengurusan. Ketiga-tiga pihak mesti mempunyai hala tuju yang sama. Bagi pelajar, kedatangan mereka ke universiti bukan semata-mata untuk mendapatkan ilmu pengetahuan tetapi di universitilah tempat untuk membina jati diri, sahsiah, ketahanan diri dan sifat kepimpinan. Mereka bukan sahaja perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi tetapi hendaklah menjadi orang yang hebat. Sementara itu, pensyarah-pensyarah pula hendaklah mempunyai komitmen yang tinggi untuk membimbing siswanya. Pensyarah-pensyarah perlu menjadi *role model* dan contoh terbaik kepada siswa. Selain itu, pihak pengurusan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan hendaklah bertugas dengan penuh dedikasi untuk mencapai matlamat universiti.

Apakah pelan pembangunan dan strategi pengurusan yang perlu dirangka bagi memartabatkan UniSZA sebagai sebuah universiti yang disegani di Malaysia?

Kementerian Pendidikan Malaysia sudah tentu ingin melihat universiti mempunyai *rating* dan *ranking* yang tinggi. UniSZA juga perlu berusaha dengan gigih untuk

meletakkan universiti ini di tempat yang teratas. Jika boleh di antara sepuluh universiti yang terbaik di negara ini. Ini tidak mustahil kerana universiti mempunyai pengalaman yang lama kerana telah ditubuhkan lebih daripada 20 tahun yang lalu bermula dengan tertubuhnya KUSZA. Selain itu, pada pandangan saya ada tiga *niche area* yang perlu ditekankan oleh pihak universiti. Pertama, menjadikan pusat pendidikan Islam yang moden setanding dengan universiti-universiti terkenal di Asia Barat. Hubungan yang rapat dengan universiti-universiti terbaik di Jordan dan Mesir hendaklah digunakan sepenuhnya untuk menjadikan mereka sebagai penanda aras. Kedua, dalam bidang perubatan. Universiti ini merupakan satu-satunya universiti yang mempunyai fakulti perubatan di Terengganu.

Oleh itu, universiti ini perlu menjadikan fakulti tersebut sebagai hospital latihan untuk melatih ramai pegawai dan pakar-pakar perubatan. Di samping itu berusaha untuk menambah kapasitinya kepada 300 atau 400 katil. Selain melahirkan doktor, universiti juga akan berpeluang membantu meningkatkan tahap kesihatan rakyat di Terengganu melalui kajian-kajian dan penyelidikan terhadap penyakit-penyakit yang biasa dihidapi oleh mereka. Ketiga, dengan memajukan Fakulti Pertanian, Bioteknologi dan Sains Makanan. Pihak universiti mempunyai tanah yang luas kira-kira 1000 ekar. Oleh itu, selain melakukan kajian dan penyelidikan oleh siswa terhadap aspek pertanian,

fakulti ini diharap berupaya untuk membantu petani-petani meningkatkan tahap pertanian di negeri ini melalui kajian terhadap kaedah penanaman yang baik dan faktor-faktor pemasaran yang menguntungkan.

Bagaimanakah YBhg Tan Sri melihat UniSZA sebagai sebuah universiti yang mampu bersaing dengan universiti-universiti lain yang telah mencipta nama di persada antarabangsa? Barangkali YBhg Tan Sri boleh menyentuh tentang transformasi, daya saing dan pengantarabangsaan?

Untuk bersaing dengan universiti lain bukanlah suatu yang sukar. Sebagaimana yang kita tahu, pihak kerajaan telah menyediakan peruntukan yang mencukupi dari segi kewangan, prasarana, tenaga sumber dan kemudahan-kemudahan yang lain. Sementara itu, di negeri Terengganu juga terdapat kemudahan lain dari segi pengangkutan, kemudahan jalur lebar ICT dan kemudahan lain sama seperti yang terdapat di negeri lain. Oleh itu, keupayaan untuk bersaing adalah bergantung kepada usaha keras dan bersungguh-sungguh para siswa, pensyarah dan pihak pengurusan universiti. Saya difahamkan Prof. Dr. Yahya Ibrahim, Naib Canselor telah menyediakan suatu rangka kerja dan garis panduan untuk memajukan pembangunan universiti. Saya difahamkan, antara tindakan yang akan dilakukan ialah meningkatkan bilangan siswa antarabangsa dan menambah bilangan siswa pasca siswazah di peringkat sarjana dan PhD. Usaha-usaha untuk meningkatkan keupayaan semua fakulti juga sedang dilaksanakan. Diharapkan pelaksanaan transformasi ini akan dapat meningkatkan daya saingnya dengan universiti-universiti lain.

YBhg Tan Sri merupakan Penasihat Panel Kajian Semula Pelan Strategik Pengajian Tinggi (PSPTN) 2013. Apakah input yang boleh dikongsikan dengan UniSZA dalam berhadapan cabaran-cabaran yang ada terutamanya dalam konteks pendidikan tinggi, budaya penyelidikan dan kualiti produk UniSZA?

Sebagai penasihat Panel Kajian Semula Pelan Strategik Pengajian Tinggi (PSPTN) 2013, perkara yang ditekankan ialah dari segi kualiti dan produktiviti setiap universiti. Oleh itu, setiap universiti digalakkan untuk menyediakan visi, misi, hala tuju dan pelan strategik masing-masing untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti universiti dalam semua bidang. Diharapkan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti ini pihak universiti akan dapat melahirkan siswa yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berdaya saing dan bersedia menghadapi cabaran di hari muka.

Memandangkan saya merupakan orang baru di universiti ini, maka maklumat sebanyak mungkin perlu diperolehi daripada semua peringkat. Oleh itu pada bulan April yang lepas, saya telah berkesempatan bertemu dan mengadakan dialog dengan pensyarah-pensyarah, staf pengurusan, kakitangan sokongan dan siswa. Maklumat yang diperolehi akan digunakan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti bagi membantu Naib Canselor dan pengurusan tertinggi dalam melaksanakan tugas mereka. Saya juga mencadangkan bidang penyelidikan sama ada dalam kalangan pensyarah atau siswa perlulah diberi keutamaan. Kawasan persekitaran mesti kelihatan menarik, bersih dan kemas. Pensyarah, pentadbir dan siswa perlu kelihatan ceria, mempunyai penampilan yang baik dan kelihatan hebat. UniSZA perlu mempromosikan universiti ini dengan menonjolkan kehebatannya supaya ibu bapa dan pelajar-pelajar sekolah akan menjadikan universiti ini sebagai pilihan utama mereka.

Apakah pesanan YBhg Tan Sri yang barangkali boleh kita jadikan sebagai pemangkin gagasan UniSZA dalam mengembangkan, membudayakan dan mengaplikasi ilmu demi faedah insan?

'Ilmu demi faedah insan' adalah motto kepada UniSZA. Oleh itu, setiap pihak di universiti ini perlu tahu supaya siswa yang bergraduat daripada UniSZA mempunyai ketrampilan dan keupayaan yang tinggi dalam bidang pengajian yang mereka ikuti. Di samping itu mereka juga perlu mempunyai kemahiran insaniah atau '*softskills*' dan mempunyai sifat-sifat peribadi yang terpuji. Mereka hendaklah tahan diuji, tidak mudah berputus asa, sedia untuk mencuba sesuatu yang baru dan mempunyai kekuatan dalaman. Pada pendapat saya inilah sifat keperibadian yang bersesuaian dengan motto universiti. Harapan saya ini akan terlaksana sekiranya semua pihak berusaha keras, bersungguh-sungguh dan dengan penuh tanggungjawab untuk mencapai hasrat tersebut.

Tan Sri Dato' Haji Alimuddin Haji Mohd Dom yang berasal dari Ayer Tawar, Perak merupakan bekas Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia. Beliau bersara pada 6 November 2010 setelah berkhidmat selama 34 tahun dalam dunia pendidikan. Kini beliau menjadi Pengerusi Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB) dan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Kerjaya sebagai guru bermula di Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Menteri, Changkat Jering, Taiping, Perak pada tahun 1976. Beliau juga dilantik sebagai anggota Suruhanjaya Khas Mengkaji Transformasi Perkhidmatan Awam yang ditubuhkan oleh kerajaan pada Jun 2012.

Evolusi Iman dan Teknologi

Oleh: Mohamad Qayyum Shamsudin
Pelajar Prasiswazah FUHA



Saban tahun teknologi mengalami kemajuan yang sangat pesat. Pelbagai alatan elektronik telah dicipta yang bertujuan untuk memudahkan kehidupan seharian manusia. Setiap hari akan ada penciptaan baru sama ada dari bidang komunikasi, automotif, pembangunan dan sebagainya. Kepesatan kemajuan teknologi ini telah memberi satu nafas baru kepada dunia moden. Hasil idea kreatif para pencipta ini telah membantu orang ramai di dunia untuk terus memajukan diri di samping membangunkan tamadun manusia.

Suatu ketika dahulu manusia sukar untuk bergerak dari satu destinasi ke destinasi yang lain dengan kadar jarak yang jauh. Mereka memerlukan beberapa hari malah beberapa bulan untuk bergerak ke satu-satu destinasi dengan menggunakan khidmat tenaga daripada haiwan seperti kuda, unta dan sebagainya. Seinggakan ada dalam kalangan mereka yang terpaksa berhenti untuk berehat dan mengembalikan tenaga yang hilang sepanjang dalam perjalanan.

Masa terus berlalu, kemudian tercipta kenderaan seperti basikal yang lebih baik berbanding keadaan sebelumnya yang bersifat tradisional dan berorientasikan kudrat manusia. Namun, keadaan masih lagi tidak efektif dan memerlukan tenaga manusia yang sangat banyak untuk beroperasi. Akhirnya, muncul idea untuk mencipta kenderaan lebih moden dan berteknologi tinggi oleh Carl Benz yang kini menjadi milik ramai manusia.

Sedikit demi sedikit kenderaan ini berevolusi sehingga menjadi kenderaan pelbagai jenis. Jenis sedan, aerobik, kompak, 4WD, dan sebagainya. Satu masa dahulu, kenderaan-kenderaan seperti ini hanya dimiliki oleh golongan bangsawan atau yang kaya,

tetapi kini sesiapa sahaja boleh memiliki kenderaan-kenderaan tersebut.

Dalam bidang komunikasi pula, dahulunya amat sukar untuk berhubung antara satu sama lain lebih-lebih lagi yang melibatkan kedudukan jarak jauh. Kadangkala manusia tidak dapat mengetahui berita tentang saudara mara sendiri yang tinggal berjauhan. Keadaan sebegini memperlihatkan hubungan sesama manusia yang amat terhad. Sesungguhnya keterbatasan hubungan sesama manusia mampu mencetuskan polemik dalam kehidupan yang sekiranya tidak dapat dibendung, mampu memusnahkan keharmonian sebuah kehidupan.

Akhirnya tercipta sebuah alat komunikasi yang dipanggil telegraf oleh Alexander Graham Bell. Kemudian, alat ini turut mengalami satu evolusi dengan pengenalan telefon yang lebih efektif dan mesra pengguna. Sebelum wujudnya telefon bimbit, telefon tidak boleh dibawa ke mana sahaja. Hanya sebuah telefon yang diletakkan di sudut-sudut tertentu dan pengguna dikehendaki memasukkan syiling untuk mendail nombor yang diinginkan.

Hakikatnya, evolusi seperti yang dinyatakan ini bukan sahaja berlaku pada alat atau gajet elektronik. Malah sebenarnya ia juga berlaku dalam kehidupan manusia.

Manusia khususnya golongan muslim dan muslimah turut mengalami pelbagai evolusi termasuk dari aspek pakaian, gaya hidup malah pemikiran. Pelbagai perubahan berlaku dalam hidup manusia, sedikit demi sedikit, hasil daripada idea manusia yang dianugerahkan akal fikiran oleh Allah swt. Terdapat evolusi dalam kehidupan manusia yang bersifat positif, namun tidak kurang yang bersifat negatif.

Dalam tulisan ini, fokus perbincangan melibatkan perihal evolusi yang berbentuk negatif. Perbincangan mengenai hal ini ditekankan kerana evolusi jenis ini memerlukan satu perubahan segera ke arah positif. Lebih-lebih lagi apabila ia melibatkan soal iman. Maka, tidak boleh tidak ia perlu diperbetulkan agar kehidupan muslim akan berjalan dalam keadaan baik dan bertambah baik dengan evolusi yang menjurus ke arah positif.

Sebagai contoh, dalam aspek pemakaian, evolusi berbentuk negatif dapat dilihat pada kaum hawa. Bagaimana ia berlaku? Namun sebelum mengulas evolusi tersebut, perlu ditegaskan di sini bahawa hal ini bukan bermakna kaum lelaki tidak menerima evolusi

negatif. Perbincangan hanya mengambil beberapa contoh untuk renungan bersama.

Dahulunya kaum hawa memakai pakaian yang labuh seperti jubah, baju kurung dan sebagainya. Tudungnya juga menutupi bahagian dada. Setelah berlakunya evolusi, maka hari ini dapat dilihat kaum hawa masih lagi mengekalkan pemakaian jubah dan baju kurung, tetapi agak ketat sehingga menampakkan susuk tubuh badan. Begitu juga dengan perihal tudung. Pelbagai jenis tudung telah terhasil kerana fesyen masa kini. Ada yang pendek hingga tidak menutupi dada, tudung sarung, selendang dan sebagainya. Malah ada yang tidak bertudung langsung.

Keadaan ini merupakan antara bentuk evolusi yang berlaku dalam kalangan segelintir kaum hawa. Sebenarnya, perintah Allah swt agar mereka menutup aurat dengan sempurna telah dijelaskan di dalam al-Quran. Hal ini merupakan satu ketetapan yang sebenarnya menolak sebarang bentuk evolusi yang bercanggah dengan perkara yang telah jelas termaktub di dalam al-Quran. Firman Allah swt yang bermaksud:

Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka, atau bapa mentua mereka, atau anak-anak mereka, atau anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji daripada orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi daripada perhiasan mereka dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.

(Surah an-Nur, 24: 31)

Evolusi juga berlaku dalam pemikiran manusia. Lihatlah betapa banyak pemikiran yang dibawa oleh para cendekiawan sama ada yang beragama Islam mahupun selainnya. Sejak zaman para sahabat Rasulullah saw lagi sudah timbul pemikiran yang berbeza dalam kalangan mereka. Namun, perlu difahami bahawa perbezaan ini hanya melibatkan perkara yang bersifat *furū'* atau cabang, dan bukannya melibatkan perkara-perkara dasar berkenaan Islam. Sebenarnya, perbezaan pendapat merupakan satu perkara yang positif kerana ia dapat membuka minda dan mencerna idea antara satu sama lain, lebih-lebih lagi dalam isu yang memerlukan perbincangan berbentuk

ijtihadi. Akan tetapi, dewasa ini, terdapat pihak-pihak tertentu yang cuba membawa masuk pemikiran yang songsang kepada masyarakat sehingga boleh mempengaruhi kemurnian akidah orang Islam dan merosakkan keutuhan jati diri anak bangsa.

Adakah iman kita juga berevolusi? Penulis mengambil contoh evolusi yang berlaku pada telefon untuk mengaitkan kesejajarannya dengan evolusi yang berlaku pada manusia.

Pada awalnya telefon dicipta dengan saiz yang besar dan menggunakan syiling untuk berhubung. Kemudian berlaku evolusi hingga menjadikan telefon sebuah gajet yang boleh dibawa ke mana sahaja dan menggunakan kad pra bayar. 'Telefon Bimbit' satu nama yang diberikan kepada telefon tersebut dengan saiznya yang besar. Sedikit demi sedikit reka bentuknya berubah menjadi semakin kecil sehingga akhirnya boleh mencapai saiz sekecil tapak tangan manusia. Sungguh menakjubkan!

Bukan sahaja saiznya berubah menjadi semakin kecil malah ketebalan telefon tersebut juga mengalami evolusi. Dahulu telefon bimbit tersebut membuat tangan kita tidak cukup untuk menggenggamnya, namun hasil evolusi telah menjadikan telefon yang dahulunya tebal menjadi nipis.

Teknologi hari ini telah berjaya mencipta telefon bimbit lutsinar. Sekali pandang tidak mungkin kita mengetahui bahawa itulah telefon bimbit. Bayangkan ada dalam kalangan kawan-kawan yang sedang memegang sesuatu dan diletakkan di telinga. Tetapi dalam masa yang sama mereka sedang berbual. Pelik bukan? Rupa-rupanya mereka sedang memegang telefon bimbit lutsinar.

Telefon bimbit pada masa ini amat berbeza dengan dahulu. Pelbagai penambahbaikan telah dilakukan. Bukan sekadar digunakan untuk berbual, namun kini penggunaan telefon bimbit dilengkapi dengan sistem pesanan ringkas (SMS), malah turut mempunyai kamera dan internet.

Menariknya telefon bimbit masa ini, ia dapat menerima pelbagai jenis aplikasi yang menarik. Malah ada telefon bimbit yang boleh memuatkan video dan lagu di dalamnya. Telefon bimbit telah menjadi sebuah peti simpanan peribadi yang sangat eksklusif. Jika pemilik telefon bimbit tidak memerlukan sesuatu perisian berada di dalam telefonnya, dia hanya perlu menekan butang *delete* sahaja. Apa pula kaitan semua ini dengan iman manusia?

Iman manusia pada hari ini telah mengalami evolusi, sama seperti yang berlaku terhadap telefon bimbit. Bagaimana hal ini boleh berlaku?

Dahulunya manusia mempunyai tahap keimanan yang sangat tinggi. Kita lihat pada zaman Rasulullah saw dan zaman para sahabat baginda, bagaimana tahap keimanan dan ketakwaan mereka kepada Allah swt? *Subhanallah!* Sungguh mengagumkan.

Iman orang Islam pada ketika itu sungguh utuh dan tebal. Sukar untuk mereka menerima anasir-anasir luar yang boleh merosakkan keimanan mereka. Malah mereka kuat menghadapi ujian yang diberikan oleh



Allah swt. Seperti telefon bimbit zaman dahulu yang tebal dan besar, begitu jugalah tahap keimanan orang Islam pada zaman kegemilangan tersebut.

Kemudian iman manusia secara umumnya berevolusi sedikit demi sedikit. Daripada iman yang dahulunya tebal dan besar, manusia semakin leka dan alpa dengan dunia sehingga menjadikan iman itu mengecil dan menipis malah mungkin lebih nipis daripada telefon bimbit yang kita miliki. Hal ini disebabkan kelekaan manusia mengejar dunia dan mengecapi kemewahan yang bersifat sementara, lantas menjadikan kemewahan itu sebagai gaya hidup mereka. Tidak hairanlah ramai dalam kalangan manusia yang mudah terpengaruh dengan anasir-anasir negatif yang dibawa daripada budaya luar Islam untuk merosakkan akidah dan akhlak golongan muslim.

Jika telefon bimbit telah berjaya dicipta dalam bentuk lutsinar, maka iman manusia pada hari ini mengalami hal yang sama. Lutsinar yang cuba ditunjukkan di sini ialah dengan erti kata 'hilang'. Hilang daripada pandangan mata hati. Ada dalam kalangan muslim yang tidak lagi mampu membezakan antara perkara yang mendatangkan pahala dan dosa. Sememangnya iman manusia itu boleh meningkat dan menurun. Namun, perlu dipastikan agar iman itu terus berada dalam diri. Jangan pula berlaku sebaliknya. Pagi beriman, petang kufur. Pagi kufur, petang beriman. Paling ditakuti ialah pagi dan petangnya kufur. *Na'uzubillah min zalik.*

Manusia pada hari ini juga mudah menerima apa sahaja perkara negatif yang sebenarnya dilarang oleh Islam. Sama seperti telefon bimbit yang

mengizinkan banyak penggunaan aplikasi sehingga boleh mencantikkan telefon bimbit tersebut dari sudut luarannya. Manusia juga begitu. Menerima apa sahaja yang disuapkan dengan tujuan untuk mencantikkan diri, dapat menyeronokkan diri dan sebagainya. Seperti hiburan yang meleakakan dan fesyen yang tidak mengikut syariat. Kerana cantik, manusia terpedaya. Diri manusia itu sendiri ibarat peti simpanan. Menyimpan pelbagai perasaan dan emosi. Jika tiada iman, maka dendam dan prasangka akan menghapuskan kebaikan.

Marilah sama-sama kita melakukan muhasabah diri, terus berusaha memelihara iman daripada sebarang anasir jahat yang tidak putus-putus hadir dalam kehidupan. Selain itu, iman perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa dengan memperbanyakkan amalan-amalan yang baik. Inilah antara bentuk evolusi positif yang perlu kita usahakan. Dengan cara ini, kita akan dapat terus mengekalkan status golongan manusia yang diciptakan dengan penciptaan yang terbaik. Firman Allah swt di dalam al-Quran yang bermaksud:

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya). Kemudian (jika ia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), Kami kembalikan dia keserendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salih, maka mereka beroleh pahala yang tidak putus-putus.

(Surah at-Tin, 95: 4-6)

Kecerdasan Spiritual, Emosi dan Fizikal dalam Kehidupan Insan

Oleh: Bahyah Abdul Halim, PhD
Pensyarah FPPP

Kejadian insan itu adalah daripada tanah yang telah ditiupkan roh untuk bangun dan bangkit menjadi khalifah di bumi Allah swt. Insan itu kemudiannya merangkak, meneroka dan mengemudi kehidupan yang terurus dengan sistem yang tersendiri. Ada insan yang mampu untuk menguasai, dan ada juga insan yang gagal memiliki.

Di bumi Allah swt inilah insan seharusnya memahami dan berusaha untuk mempersiapkan diri dengan kekuatan dan kecerdasan spiritual, emosi dan fizikal. Apakah terdapat perbezaan antara ketiga-tiga elemen kecerdasan ini? Bagaimanakah ianya saling melengkapi dalam kehidupan seorang insan? Apakah insan itu mampu untuk memiliki kesemuanya?

Kecerdasan spiritual merungkai keperluan insan untuk mengabdikan diri kepada Pencipta Yang Maha Agung. Insan yang mengenali dan yakin dengan Penciptanya akan memperoleh ketenangan dan keimanan yang teguh. Insan yang redha dengan ketentuan dan qada' qadar Yang Maha Esa mampu menjadikannya untuk tidak mudah mengalah dan segera bangkit apabila dilanda kesusahan. Kecerdasan spiritual ini memberikan kekuatan rohani kepada insan. Sesungguhnya, adalah amat beruntung untuk insan itu berada dalam kelompok yang memiliki kecerdasan spiritual yang tinggi.

Menurut Pahrol Mohamad Juoi, insan yang lemah spiritual adalah insan yang sentiasa dalam keadaan mensyirikkan Allah swt, tidak mengikut sunnah Rasulullah saw, seringkali meninggalkan amalan-amalan wajib serta melengah-lengahkannya, dan sering terlibat dengan perkara-perkara yang dilarang Islam. Mereka ini juga tergolong dalam kelompok insan yang menzalimi diri mereka sendiri. Seorang insan yang terus hanyut dibelai dengan kenikmatan dunia tanpa mempersiapkan diri dengan mengenali Yang Maha Esa adalah hidup dalam kerugian.

Elemen kecerdasan spiritual yang ada pada diri seorang insan itu perlu dijalin gabung dengan elemen kecerdasan emosi agar keperibadian seseorang insan itu berada pada tahap yang optimum. Apakah yang dimaksudkan dengan kecerdasan emosi? Kecerdasan emosi itu merupakan satu keupayaan seseorang insan untuk mengawal emosi yang negatif dan menggantikannya dengan emosi yang positif. Keupayaan ini membantu insan untuk memiliki kesedaran sendiri yang tinggi, mampu mengendalikan emosi dengan baik, memiliki sifat empati serta berupaya menyelesaikan konflik dengan cara yang rasional. Tahap kecerdasan emosi yang tinggi dalam diri seorang insan mampu untuk menghindarkan insan itu daripada terjebak dengan tingkah laku yang negatif.



Keupayaan insan untuk mengawal emosi negatif dan amarah akan mendorong insan itu untuk berfikir, berkomunikasi dan bertindak dengan wajar dalam apa jua aspek sekalipun. Dalam konteks kehidupan insan pada ketika ini, seringkali kita mendengar permasalahan seperti penderaan kanak-kanak dan wanita, kes buang bayi, pembunuhan, penindasan, penagihan dan pelbagai jenayah lain. Ini membuktikan sedikit sebanyak bagaimana tandusnya kehidupan insan itu tanpa kekuatan spiritual dan emosi. Insan yang seharusnya bertindak menggunakan akal dilihat seolah-olah berperwatakan seperti tanpanya.

Insan yang memiliki kecerdasan spiritual dan emosi yang baik juga perlu memastikan kecerdasan fizikalnya dalam keadaan yang baik. Kecerdasan fizikal memerlukan insan mengamalkan gaya hidup sihat dengan menitikberatkan faktor keselamatan dan kesihatan yang optimum dalam kehidupan. Antara yang boleh diamalkan adalah dengan memastikan pengambilan makanan yang halal, menjaga kebersihan diri, tidak merokok, tidak mengambil minuman keras, rehat yang mencukupi, senaman dan gaya hidup aktif mampu meningkatkan tahap kesihatan seseorang insan. Kecerdasan fizikal ini juga mampu memberikan kesan yang positif terhadap keyakinan dan harga diri insan. Dengan kesihatan yang baik, insan itu akan menjadi lebih sempurna dan berdaya saing. Proses mengerjakan ibadah juga menjadi lebih mudah dan selesa dengan kesihatan yang baik. *Al-Aql al-Salim fi al-Jismi al-Salim* merupakan pepatah Arab yang bermaksud akal yang cerdas terletak pada tubuh badan yang sihat.

Kecerdasan spiritual, emosi dan fizikal ini harus digarap dengan seimbang agar insan itu berjaya di dunia mahupun di akhirat. Sebagai khalifah di bumi Allah, pencapaian dan kejayaan di dunia ini adalah untuk memastikan segala amar ma'ruf diterima Allah kerana di akhirnya nanti, insan akan kembali mengadap Yang Maha Esa.

Kawalan Kualiti atau Piawaian bagi Produk Herba

Oleh: Saravanan a/l Dharmaraj, PhD
Pensyarah FPSK

Produk herba kini banyak digunakan sebagai ubat untuk mengubati pelbagai penyakit. Walaupun perubatan moden telah berkembang pesat sejak kebelakangan ini, tetapi tumbuhan ubatan masih memainkan peranan yang sangat penting untuk menjamin kesihatan di seluruh dunia. Keadaan di Malaysia juga mencerminkan perkembangan ini dengan kemunculan pelbagai produk herba di pasaran umum. Antara yang terkenal ialah daripada tumbuhan herba seperti misai kucing, tongkat ali dan dukung anak. Permintaan yang besar terhadap produk-produk ini menyebabkan golongan pengusaha tertentu cuba mengaut keuntungan besar dengan mencampurkan bahan kurang berkualiti yang lebih murah. Dengan ini kerajaan terpaksa mengambil langkah untuk memastikan produk herba adalah berkualiti dan selamat melalui langkah kawalan kualiti serta pemiawaian produk herba atau *herbal standardization*.


Produk herba mengandungi pelbagai bahan kimia seperti flavonoid, triterpenoid serta alkaloid dan ini menimbulkan cabaran kepada ahli kimia

apabila melakukan kawalan kualiti. Tambahan pula, pemiawaian produk herba bukan hanya melibatkan analisis produk herba tetapi bermula daripada sumber mentah iaitu tumbuhan herba itu sendiri.

Langkah pertama yang disarankan untuk kawalan kualiti ialah pengenalanpastian spesies tumbuhan dan seterusnya visualisasi makroskopik dan mikroskopik. Pengecaman spesies adalah mudah dalam kes sesetengah herba, misalnya misai kucing atau *Orthosiphon stamineus* yang mempunyai bunga yang agak unik (Gambar 1). Dalam hal lain seperti herba dukung anak, ianya menjadi agak rumit dengan terdapatnya tiga spesies rapat dalam genus *Phyllanthus*. Biasanya *P. niruri* iaitu dukung anak dikelirukan dengan dua spesies lain iaitu *P. debilis* and *P. urinaria* kerana mereka mempunyai morfologi yang agak sama (Gambar 2-4). Pengecaman spesies juga merujuk kepada visualisasi makroskopik yang mengambil kira parameter-parameter seperti bentuk, saiz, warna, tekstur, bau dan rasa bahagian-bahagian tertentu tumbuhan.



Gambar 1: Bunga *O. stamineus* yang unik




Gambar 3: *P. debilis*



Gambar 2: *P. niruri*



Gambar 4: *P. urinaria*




Rajah 1: Analisis mikroskopik ke atas serbuk kering *P. niruri*

Kajian mikroskopik ke atas herba melibatkan analisis mikroskopik ke atas serbuk halus daripada langkah pengisaran sampel herba yang telah dikeringkan. Lazimnya setiap spesies tumbuhan akan mempunyai struktur sel dan bahagian-bahagian tertentu seperti jenis stoma pada daun, tekstur biji yang agak unik dan ianya boleh digunakan untuk membantu pengecaman sampel. Sebagai contoh, lakaran dalam Rajah 1 menunjukkan analisis mikroskopik ke atas serbuk kering daripada *P. niruri*. Biasanya sumber herba yang sampai kepada pengusaha produk herba adalah serbuk kering dan dengan itu kajian makroskopik tidak boleh dilakukan dan hanya analisis mikroskopik serta analisis kimia boleh dilakukan.

Analisis kimia yang paling mudah dilakukan ialah jumlah kandungan bahan yang boleh diekstrak daripada sampel herba. Ini lazimnya dilakukan dengan dua cara iaitu pertamanya kandungan yang boleh diperolehi secara pengekstrakan panas melalui proses refluksi dengan jumlah tertentu air. Kaedah kedua ialah pengekstrakan secara sejuk iaitu menggunakan solven iaitu biasanya etanol untuk merendamkan sampel herba pada suhu bilik selama jangka masa tertentu. Kedua-dua kaedah ini akan memberi maklumat mengenai sampel yang mengandungi kandungan kimia yang lebih tinggi yang biasanya lebih berkualiti.

Jenis bahan kimia yang terkandung di dalam herba boleh dikenal pasti daripada profil kromatografi. Profil ini yang juga boleh dikatakan sebagai pencapjarian kromatografi, boleh didapati menggunakan kaedah kromatografi yang berlainan seperti kromatografi cecair atau kromatografi gas. Kromatografi lapisan

nipis termasuk dalam jenis kromatografi cecair dan merupakan teknik mudah yang paling kerap digunakan untuk analisis sampel herba bagi menentukan jenis bahan kimia. Antara kelebihan kaedah ini, ia membolehkan analisis yang cepat tanpa kaedah penyediaan awal yang rumit, sampel yang banyak boleh dianalisis pada masa yang sama, dan ia memberikan maklumat kualitatif dan kuantitatif. Analisis serbuk *O. stamineus* dengan menggunakan kaedah ini ditunjukkan di dalam Gambar 5.




Gambar 5: Analisis kromatografi lapisan nipis (KLN) ke atas ekstrak *O. stamineus*

Kaedah kromatografi lapisan nipis ialah sebuah teknik pengasingan bahan kimia dan salah satu kelemahannya ialah bahan kimia yang ingin dianalisis terpaksa ditentukan sama ada ianya flavonoid, alkaloid dan sebagainya. Ini memberi kelemahan di mana di dalam sesuatu spesis mungkin terdapat beribu-ribu molekul secara keseluruhannya dan mungkin di dalam kelas tertentu seperti flavonoid juga bilangan molekulnya agak banyak. Bahan kimia piawai untuk analisis-analisis ini perlu diperolehi dan ianya mungkin mahal.

Selain daripada kaedah-kaedah ini, analisis lain yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia untuk kawalan kualiti herba ialah nilai aktiviti biologi serta beberapa parameter lain yang berkaitan dengan kesan toksik daripada sampel herba berkenaan. Ini merangkumi kandungan sisa pestisid, logam berat serta kontaminasi mikrobiologi daripada patogen-patogen tertentu.

Sejak kebelakangan ini, terdapat saranan bahawa analisis kromatografi yang biasanya menjadi teknik penentu untuk pengecaman herba perlu disokong atau digantikan sama sekali dengan kaedah lain yang dapat memberi gambaran keseluruhan komposisi kimia herba.

Kajian yang dilakukan di banyak makmal termasuk di UniSZA, menunjukkan teknik yang dikenali sebagai analisis pencapjarian metabolit ke atas spektra inframerah mempunyai beberapa kelebihan berbanding teknik pengasingan seperti kromatografi lapisan nipis ataupun kromatografi cecair prestasi tinggi atau 'HPLC'. Spektra inframerah bagi sampel serbuk kering *O. stamineus* daripada beberapa lokasi di Malaysia ditunjukkan di dalam Rajah 2.



Rajah 2: Spektra inframerah bagi serbuk *P. niruri*

Kelebihan teknik ini ialah ianya cepat, tidak memerlukan penyediaan sampel awal yang rumit, dan ianya boleh dijalankan ke atas serbuk kering herba, atau ekstrak tumbuhan yang telah dikeringkan. Tambahan pula kaedah ini tidak spesifik kepada bahan kimia tertentu dan boleh dikatakan memberi 'snapshot' komposisi metabolik.

Pencapjarian metabolit menggunakan analisis kemometrik ke atas data daripada spektrum dan ia boleh memberikan maklumat tentang kesamaan atau perbezaan antara sampel yang dianalisis.

Lagi satu teknik yang juga boleh digunakan untuk pemiawaian sampel herba ialah pencapjarian DNA. Teknik lain yang berkait rapat dengan ini ialah analisis 'penanda molekul berdasarkan DNA'. Penanda genetik ini ialah gen atau jujukan DNA pada lokasi tertentu pada kromosom. Antara jenis penanda molekul yang lazim digunakan ialah *random amplification of polymorphic DNA* atau RAPD.

Industri herba makin berkembang dan lebih banyak produk muncul di pasaran setiap tahun. Antara faktor yang penting kepada pengguna ialah keselamatan dan efikasi produk dan ini dipengaruhi oleh langkah kawalan kualiti dan pemiawaian produk herba. Teknik yang lazimnya digunakan untuk pengenalanpastian herba yang berkualiti ialah pencapjarian kromatografi berdasarkan profil kromatografi lapisan nipis. Namun begitu, teknik lain seperti pencapjarian metabolit berdasarkan spektra inframerah serta pencapjarian genetik perlu disenaraikan sebagai alternatif atau kaedah tambahan dalam manual kawalan kualiti untuk menjamin produk yang berkualiti kepada pengguna.

Bibliografi

- Anonymous. 1998. WHO Guidelines on Herbal Quality Control.
- Dharmaraj, S. 2008. The application of chemometric methods in ftir metabolite fingerprinting of *Orthosiphon stamineus* benth and *Phyllanthus niruri* Linn. and in the study of herbal extracts and tamm-horsfall protein as anti-urolithiasis agents. Tesis PhD USM.
- Nikam, P.H. et al. 2012. *Journal of Applied Pharmaceutical Science* 2 (6); 38-44.
- Rosdan, S.M.M. 2013. Metabolite fingerprinting by means of fourier transform infra-red (ftir) spectral analysis of common *Phyllanthus* species in Malaysia. Tesis BSc. (Hons) UniSZA.

Automasi Bagi Faedah Insan

Oleh: Mohd Hudzari Hj Razali, PhD
Pensyarah FPBSM


Manusia diciptakan adalah untuk beribadat kepada tuhan. Dalam waktu beribadat contohnya solat untuk masyarakat Islam, kesucian pakaian adalah perkara yang perlu dipatuhi akan hukum-hukum syaraknya. Mesin basuh pakaian yang menggunakan teknologi sekarang ini, menggunakan konsep membersihkan pakaian dengan mengambil kira faktor berat dan jumlah pakaian berbanding jumlah air yang bakal digunakan. Walau bagaimanapun, pakaian bercampur najis, contohnya air kencing kanak-kanak, secara praktik yang digunakan oleh masyarakat Islam kini ialah, ia perlu dibersihkan menggunakan air bersih yang mengalir bagi membuang rupa bentuk, bau dan warna najis tersebut dan barulah ia dimasukkan ke dalam mesin basuh (OIC 2001). Dengan konsep yang sama ini satu sistem automasi (rujuk Gambar 1) ditambah terhadap sistem mesin basuh sedia ada bagi memberi arahan kepada pengawal elektronik (*microcontroller*) dan peranti aliran air (S1 dan S2) agar air bersih yang mengalir akan diaturcarakan supaya ia mengenyah najis terhadap pakaian ketika peringkat pembersihan dan mengalir keluar dari mesin basuh untuk beberapa ketika masa yang akan dikaji keperluannya (Rizuwan *et al.* 2013). Secara praktikalnya laluan air bersih akan

masuk ke dalam drum pembasuhan ketika laluan keluar air kotor dibuka. Tahap kuantiti air dalam mesin basuh akan dikekalkan parasnya melalui *ultra-sonic sensor*, manakala kejernihan air dapat diukur menggunakan *light intensity sensor*.

Penggunaan sistem terkini automasi telah pun digunakan bagi proses aturcara yang perlu mengambil kira akan hukum-hukum syarak dalam agama Islam (Meghdari *et al.* 2012). Melalui proses pembangunan yang bakal dijalankan dalam penyelidikan terbaru ini, sebuah mesin basuh pakaian yang berkonsepkan kepatuhan hukum syarak yang mengambil kira aliran air bersih ketika proses pembersihan akan diperkenalkan kepada orang Islam, di dalam mahupun di luar negara. Automasi merupakan satu bidang teknologi yang biasanya digunakan dalam perindustrian moden yang menggabungkan penggunaan peralatan mekanikal dan elektronik ataupun singkatannya mekatronik. Kajian awal ini adalah hasil lanjutan daripada pembangunan mesin pengenyah racun yang direka bentuk dalam penyelidikan ubi gadong di Fakulti Pertanian, Bioteknologi dan Sains Makanan. Sebagaimana mesin ini berupaya menghindarkan racun bagi kegunaan makanan manusia begitu juga ideanya ditransformasikan agar dapat membersihkan pakaian bagi menepati tuntutan kesucian dalam ibadat umat Islam.

Rujukan:

- Meghdari A., Osgouie K. G., E. Nasiri, A. R. Nemati, A. M. Mortazavi (2012), Conceptual Design and Simulation of a Semi-Automatic Cell for the Washing and Preparation of a Corpse Prior to an Islamic Burial, *Int J Adv Robotic Sy*, 2012, Vol. 9, 42:pp1-10.
- OIC Global Standards: Food Hygiene Basic Texts (2001), Food and Agricultural Organization of the United Nations, World Health Organization, Rome. pp 22.
- Rizuwan Y., Mohd Hudzari R., Basri I., Mohd Sharil O., N.A.M. Noor, Hasbullah M., S.J. Abdulla h (2013), Conceptual instrumentation of washing machine for conformity to the Islamic laws of Syarak, *Scientific Journal of Review*, 2(6):pp 151-155.



Gambar 1. Sistem automasi mesin basuh

Ke Arah Pemeraksanaan Bahasa al-Quran

Oleh: Mohd Shahrizal Nasir
Pensyarah FBK

Bahasa merupakan satu elemen penting dalam kehidupan manusia. Dengan bahasa, manusia dapat memenuhi tuntutan hidup masing-masing iaitu melalui komunikasi. Komunikasi yang berkesan mampu menjamin keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat, sebaliknya komunikasi yang bermasalah boleh mencetuskan konflik dalam kehidupan.

Di dalam al-Quran, Allah swt menjelaskan kepentingan bahasa berdasarkan firman-Nya yang bermaksud:

Dan Dia telah mengajarkan nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Dia berfirman: Terangkanlah kepada-Ku nama benda-benda ini semuanya, jika kamu golongan yang benar.

(Surah al-Baqarah, 2: 31)

Ayat tersebut secara jelas membuktikan bahawa nabi Adam merupakan manusia pertama yang diciptakan Allah swt dan diberi ilmu bahasa oleh Allah swt dalam bentuk pengenalan tentang nama sekalian kejadian alam. Menurut kupasan al-Attas (1992), nama-nama yang diajarkan oleh Allah swt itu merujuk kepada ilmu tentang segala sesuatu (*'Ilm al-ashya'*).

Selain penjelasan mengenai perihal nabi Adam sebagai manusia pertama yang dikurniakan keupayaan berbahasa, dapat juga diperlihatkan hubung kait antara pendidikan bahasa dengan pendidikan secara umum. Pendidikan yang diberikan dalam bentuk pengurniaan ilmu tentang nama seluruh kejadian alam termasuk segala sifat, kualiti dan gunanya itu, jelas menunjukkan peri pentingnya dua peranan utama bahasa, iaitu bahasa sebagai satu cabang ilmu dan juga bahasa sebagai wahana penyerapan ilmu ke dalam diri manusia.

Sesungguhnya ilmu bahasa yang dibekalkan oleh Allah swt kepada nabi Adam amat berguna bagi meneruskan kehidupan baginda di atas muka bumi. Tanpa bahasa, besar kemungkinan manusia akan berdepan dengan pelbagai konflik dalam pengurusan kehidupan seharian. Begitulah terserlahnya kehebatan dan keagungan Allah swt yang tidak sesekali membiarkan hamba-Nya dalam keadaan jahil dan meraba-raba tanpa ilmu dan panduan.

Kepelbagaian bahasa di dunia yang digunakan oleh umat manusia untuk berkomunikasi merupakan antara bukti kebesaran Allah swt. Firman Allah swt di dalam al-Quran yang bermaksud:

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan kebijaksanaan-Nya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit

kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan.

(Surah ar-Rum, 30: 22)

Dalam kepelbagaian bahasa ini, umat manusia perlu saling berkenalan dan memahami antara satu sama lain bagi memenuhi tuntutan hidup. Kewujudan pelbagai bahasa di dunia membuktikan kehebatan ilmu Allah swt yang amat luas dalam penciptaan makhluk-Nya. Manusia tidak dicipta secara stereotaip, sebaliknya mereka dicipta dengan rupa bentuk dan ciri-ciri yang berbeza-beza antara satu sama lain termasuk dari aspek bahasa pertuturan. Firman Allah swt di dalam al-Quran yang bermaksud:

Wahai manusia! Sesungguhnya Kami (Allah) menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan, dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya yang paling mulia antara kamu di sisi Allah ialah yang paling bertakwa antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).

(Surah al-Hujurat, 49: 13)

Bahasa Arab Sebagai Bahasa Agama

Bahasa Arab telah dipilih untuk menjadi bahasa yang membawa mesej Islam. Al-Quran yang merupakan kitab suci umat Islam diturunkan kepada umat manusia dalam bahasa Arab. Pemilihan bahasa Arab dilihat sebagai satu pengiktirafan terhadap bahasa ini kerana ia menjadi perbualan para ilmuan dalam memahami dan menjelaskan maksud suruhan dan tegahan daripada Allah swt. Pemilihan bahasa Arab semestinya membawa pelbagai kelebihan sama ada kepada bahasa tersebut mahupun terhadap umat Islam yang perlu mempelajari dan mendalami bahasa Arab. Di dalam al-Quran, Allah swt menjelaskan pemilihan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran menerusi firman-Nya yang bermaksud:

Sesungguhnya Kami menurunkan Kitab itu sebagai al-Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunkan akal untuk memahaminya).

(Surah Yusuf, 12: 2)

Berdasarkan ayat ini, dapat difahami bahawa fungsi bahasa Arab amat besar dalam membawa mesej ilahi kepada umat manusia. Selain itu, ia turut menjelaskan peranan akal dalam memahami intipati kandungan ayat al-Quran yang menggunakan bahasa Arab dengan keindahan struktur ayat dan maknanya.

Perkataan *ta'qilun* pada akhir ayat tersebut mempunyai kaitan rapat dengan akal dan pemanfaatannya dalam berfikir mengenai keagungan Allah swt. Hal ini merupakan antara sebab pemilihan bahasa Arab sebagai bahasa utama dalam Islam untuk dimanfaatkan oleh seluruh umat manusia yang diciptakan berserta pengurniaan akal fikiran tanpa mengira keturunan, budaya, warna kulit dan bahasa. Dalam ayat lain, Allah swt berfirman yang maksudnya:

Dan demikianlah Kami menurunkan al-Quran sebagai hukum dalam bahasa Arab. Dan demi sesungguhnya, jika engkau (wahai Muhammad) menurut kehendak hawa nafsu mereka sesudah datangnya kepadamu wahyu pengetahuan (tentang kebenaran), maka tiadalah engkau peroleh daripada Allah sesuatu yang dapat mengawal dan memberi perlindungan kepadamu (daripada perkara-perkara yang tidak diingini).

(Surah ar-Ra'd, 13: 37)

Hakikatnya, bahasa Arab tidak boleh dipisahkan dengan pelaksanaan amal ibadah oleh umat Islam. Menurut Komaruddin (1996), konsep 'bahasa agama' yang dikaitkan dengan bahasa Arab telah menjadi agenda perbincangan dan perdebatan banyak pihak termasuk ahli linguistik, ahli teologi dan ahli falsafah. Hal ini memberi petunjuk bahawa fungsi bahasa Arab amat besar dalam pelaksanaan tuntutan agama Islam.

Tuntutan untuk mempelajari bahasa Arab tidak hanya tertumpu kepada golongan tertentu yang menjurus kepada tujuan akademik, malah ia turut menjadi satu keperluan bagi masyarakat awam yang beragama Islam. Sedar ataupun tidak, Muslim menggunakan bahasa Arab pada setiap hari melalui pelaksanaan ibadah solat fardu sebanyak lima kali dalam sehari, zikir, doa, bacaan al-Quran dan sebagainya. Inilah antara hujah kukuh bahawa bahasa Arab perlu terus dipelajari dan dikuasai agar mutu ibadah dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Hubungan Antara Bahasa Arab dan Bahasa Melayu

Jika disoroti sejarah perkembangan bahasa Arab di Malaysia, ia telah mula masuk ke Alam Melayu sejak kurun pertama Hijrah iaitu selaras dengan penerimaan masyarakat Melayu terhadap agama Islam (Fatimi 1963). Selari dengan proses penyebaran agama Islam di Alam Melayu oleh para pedagang Arab dan Parsi, banyak perubahan telah berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu ketika itu meliputi aspek kepercayaan, politik, pendidikan, kebudayaan dan kemasyarakatan.

Perubahan ini turut melibatkan proses pembelajaran bahasa Arab. Bahasa Arab telah berkembang secara aktif sebagai bahasa kepada agama Islam. Ia merupakan bahasa untuk memahami Islam dan menunaikan ibadah (Rosni 2009). Selain itu, pengaruh bahasa Arab juga telah memartabatkan bahasa Melayu sehingga mencapai status bahasa ilmu. Antara contoh paling jelas bagi membuktikan pengaruh besar bahasa Arab dalam bahasa Melayu ialah peminjaman kosa kata Arab yang seterusnya diterima pakai dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu.

Pemanfaatan kosa kata bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu tidak tertumpu pada bidang agama sahaja, malah ia mencakupi pelbagai bidang. Keadaan ini secara tidak langsung menunjukkan sifat bahasa Arab yang universal, dan ia turut membantu proses pengantarabangsaan bahasa Melayu, serta mengembalikan statusnya sebagai *lingua franca*. Antara bidang yang terlibat dalam pemanfaatan kosa kata Arab ke dalam bahasa Melayu ialah:

1. Agama
Baligh, doa, hadis, haji, imam, kiblat, mufti, munafik, murtad, nabi, rasul, zakat, tarekat, tasawuf, tauhid, umrah, wali, ajal, bilal, fardu, fikah, hidayah, iktikad, makmum, masjid, sujud, tahlil, zikir.
2. Ilmu
Ahli, ayat, falak, fasal, falsafah, hikayat, hisab, ilmu, jawab, kalam, kamus, khatam, kitab, makrifat, riwayat, sejarah, soal, takwim, tarikh, ulama, arif, jahil, loghat, jumlah, madrasah, nahu.
3. Hukum
Adil, batal, fatwa, halal, haram, hakim, hukum, kadi, mahkamah, makruh, mansuh, sah, tertib, wajib, wakaf, wakil, wilayah, zalim, qada, usul, tafsir, kaedah, wazir, amir, sultan, ijtihad, khalifah.
4. Adat
Akad, fakir, fitnah, hormat, kafilah, karib, kaum, kerabat, maaf, maruah, musafir, nasab, nikah, salam, sedekah, tahniah, takziah, umat, waris, ziarah, adat, azimat, darjat, ghaib, maulud, mastautin.

Kesemua contoh di atas memberi petunjuk bahawa pemanfaatan bahasa Arab dalam bahasa Melayu tidak hanya melibatkan perkara-perkara berkaitan agama, malah ia turut mencakupi pelbagai aspek dalam kehidupan manusia. Sebenarnya, jika



dilihat secara lebih luas, pengaruh bahasa Arab dalam bahasa Melayu tidak hanya tertumpu kepada aspek kosa kata, malah ia turut melibatkan aspek sebutan dan tulisan.

Pengaruh bahasa Arab dan Islam itu sendiri telah memberi kesan yang besar kepada sebutan perkataan dalam bahasa Melayu. Hal ini sedikit sebanyak didorong oleh amalan membaca al-Quran yang merupakan satu kemestian bagi masyarakat Islam, tambahan pula ia dikira sebagai satu ibadah.

Berdasarkan realiti ini, dapat difahami bahawa bahasa Arab bukanlah sesuatu yang asing dalam kehidupan masyarakat Melayu. Himpunan kosa kata bahasa Arab dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu seharusnya memberi motivasi kepada masyarakat untuk mempelajari dan mendalami bahasa Arab. Mentaliti negatif yang menyatakan bahawa bahasa Arab itu sukar untuk dipelajari perlu diperbetulkan, sebaliknya ia merupakan satu bahasa yang mudah dan penggunaannya telah sehati dalam kehidupan seharian.

Pemeriksaan Bahasa Arab di Malaysia

Proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab terus mengalami perkembangan positif di Tanah Melayu bermula dari institusi pondok dan madrasah pada abad ke-18 Masihi (Abdullah Jusuh 1989). Proses perkembangan yang amat baik ini terus berlangsung sehingga kini bermula seawal peringkat rendah dengan pelaksanaan program j-QAF di sekolah rendah.

Bagi peringkat tinggi pula, banyak institusi pengajian tinggi awam menawarkan program pengajian bahasa Arab seperti di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

UniSZA masih meneruskan tradisi ilmu yang diwarisi daripada kegemilangan Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), yang satu masa dahulu merupakan sebuah institusi ilmu agama terkenal bukan sahaja di kawasan Pantai Timur, malah di seluruh Malaysia.

Penawaran subjek bahasa Arab sebagai salah satu subjek umum universiti yang ditawarkan secara pilihan kepada para pelajar merentasi bidang pengajian, menunjukkan bahawa UniSZA komited dalam usaha pemerikasaan bahasa Arab sebagai salah satu cabang ilmu pengetahuan.

Penawaran program Diploma Pengajian Islam (Bahasa dan Kesusasteraan Arab) oleh Fakulti Pengajian Kontemporari Islam turut menyerlahkan komitmen UniSZA dalam usaha memperkasa pengajian bahasa al-Quran. Terkini, Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) telah mendapat kelulusan daripada pihak kementerian bagi penawaran program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab (*dengan Kepujian*) bermula tahun 2013.

Inilah beberapa usaha berterusan yang sedang berlangsung di UniSZA bagi memperkasa penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Sesungguhnya usaha ini sejajar dengan beberapa usaha yang sedang giat dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia bagi memperkasa bahasa al-Quran. Antara contoh usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan ialah pembinaan portal rasmi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) dalam versi bahasa Arab, serta pengukuhan sistem tulisan Jawi yang sememangnya mempunyai kaitan rapat dengan huruf-huruf bagi bahasa al-Quran.

Apa yang pasti, kemahiran berbahasa Arab amat penting dalam era globalisasi hari ini kerana ia mempunyai signifikan yang besar dalam segenap lapangan termasuk bidang ekonomi, kebudayaan, pelancongan, penyiaran, pendidikan, perundangan dan sebagainya. Keperluan menguasai bahasa Arab semakin menyerlah apabila ia termasuk dalam senarai 10 bahasa utama dunia serta merupakan bahasa rasmi bagi 22 buah negara Arab dengan anggaran penuturnya di seluruh dunia melebihi 422 juta orang.

Kesimpulannya, setiap pihak khususnya golongan Muslim perlu berganding bahu dalam usaha memperkasa bahasa Arab di Malaysia. Kepentingan bahasa ini dalam kehidupan setiap Muslim mengukuhkan lagi keperluan untuk mempelajari dan menguasai bahasa Arab. Selain merupakan satu bahasa ilmu dan termasuk dalam kategori bahasa utama dunia, pemerikasaan bahasa Arab perlu bermula dari institusi pendidikan sama ada di peringkat rendah mahupun peringkat tinggi. Hasrat menjadikan UniSZA sebagai antara institusi pengajian tinggi Islam seharusnya dizahirkan dengan pemerikasaan bahasa Arab dan bidang pengajian Islam, tanpa sama sekali meminggirkan cabang ilmu yang lain.

Rujukan

- Al-Quran al-Karim. 2008. Terj.: Sheikh Abdullah Basmeih (Ed. ke-5). Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abdullah Jusuh. 1989. *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (pnyt.). 1992. *Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam*. Terj.: Shamsuddin Jaafar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatimi, S. Q. 1963. *Islam Comes to Malaysia*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute LTD.
- Komaruddin Hidayat. 1996. *Memahami Bahasa Agama*. Jakarta: Penerbit Paramadina.
- Rosni Samah. (2009). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.


Ovarian Tumor Diagnosis System (OTDS): An Online System for Medical Students in the Learning Process

Oleh: Mohd Kamir Yusoff
Pensyarah FIK

Ovarian Tumor Diagnosis System (OTDS) merupakan projek kajian bersama Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) dengan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), UniSZA. Sistem ini dibangunkan adalah bertujuan untuk membantu proses pembelajaran bagi pelajar-pelajar jurusan perubatan daripada FPSK.

Menurut Prof. Gumballi Krishna Murthy Swethadri, Pensyarah FPSK proses pembelajaran untuk diagnosis ketumbuhan ovari sebelum ini dilaksanakan secara manual di mana tiada satu sistem yang mempunyai pangkalan data untuk merekod data-data pesakit dan juga data-data *disease* untuk membantu pelajar dalam diagnos penyakit ketumbuhan ovari. Tambahan beliau lagi, setiap pesakit hendaklah melalui lima proses utama sebelum terhasil satu diagnosis mengenai ketumbuhan pada ovari.

Oleh yang demikian, hasil perbincangan antara FIK dan FPSK satu sistem yang mempunyai pangkalan data perlu untuk merekod data pesakit dan juga data bagi setiap proses yang dijalankan sebelum menghasilkan satu diagnosis yang tepat untuk tujuan rawatan selanjutnya.



Terdapat lima aliran proses dalam OTDS. Pertama, data-data pesakit seperti nama, umur, alamat dan data-data lain akan direkodkan ke dalam sistem. Kedua, data-data ini akan direkod dalam pangkalan data. Ketiga, doktor akan melakukan pemeriksaan terhadap pesakit. Keempat adalah proses untuk menghasilkan diagnosis. Diagnosis ini dihasilkan berdasarkan penyakit pesakit, di mana doktor perlu melakukan lima proses yang terdiri daripada *symptoms, gross, tissue pattern, cell morphology and hormones*. Setelah lima proses ini dilaksanakan, maka terhasil diagnosis bagi pesakit tersebut. Diagnosis ini akan terhasil melalui padanan data daripada lima proses tersebut. Contohnya:


Symptoms	Gross	Tissue Pattern	Cell Morphology	Hormones	Diagnosis
Pain lower abdomen	Single cyst	Papillae	Ciliated columnar	-	Serous Cystadenoma



Serous Cystadenomagross




Granulosa Cell Tumour Gross



Brenner tumour

Gambar-gambar di atas menunjukkan beberapa contoh diagnosis yang terhasil berdasarkan *diseases* yang dihadapi oleh pesakit. Diagnosis ini terhasil daripada proses-proses yang dialami oleh pesakit. Proses yang terakhir dalam OTDS adalah rawatan. Rawatan adalah berbeza-beza mengikut diagnosis yang dihadapi oleh pesakit. Bilangan rawatan juga bergantung kepada tahap penyakit yang dihadapi oleh pesakit.



Sistem ini juga berupaya menghasilkan laporan seperti statistik pesakit berdasarkan penyakit. Statistik ini terhasil daripada rekod pesakit yang menjalani rawatan di mana data-data pesakit ini disimpan dalam satu pangkalan data. Antara statistik lain yang turut dihasilkan melalui sistem ini ialah klasifikasi penyakit mengikut umur pesakit. Statistik ini dapat membantu usaha dalam mengurangkan kadar bilangan pesakit yang menghadapi masalah ketumbuhan pada ovari.

Dengan terhasil sistem ini, kaedah pembelajaran di FPSK akan menjadi lebih menarik dan efisien. Ini kerana sistem ini boleh diakses di mana sahaja selagi ada capaian internet. Di samping itu juga, sistem ini dapat membantu pelajar mengetahui sama ada diagnosis yang mereka hasilkan berdasarkan data pesakit adalah tepat atau sebaliknya. Ini kerana, sistem ini akan memaparkan diagnosis yang tepat setelah kajian dilakukan oleh pelajar tersebut. Sistem ini juga diharapkan dapat meningkatkan kefahaman pelajar terhadap penyakit ketumbuhan pada ovari.



Sourcing and Procurement Practices by Fresh Fruit and Vegetable(FFV) Buyers

Oleh: Nalini a/p Arumugam, PhD
Pensyarah FPBSM

Introduction

This study provides a review on the development of super/hypermarkets in the world. It focuses on the evolution of super/hypermarkets from this century onwards. The study also examines the specific characteristics and special features of super/hypermarkets and the impact of super/hypermarkets on the retail industry. The study also examines the impact of super/hypermarkets on the retail industry. The study also examines the impact of super/hypermarkets on the retail industry.

In Malaysia, the retail industry has been growing rapidly in terms of sales and market share. The retail industry has been growing rapidly in terms of sales and market share. The retail industry has been growing rapidly in terms of sales and market share.

Studies have shown that the retail industry has been growing rapidly in terms of sales and market share. The retail industry has been growing rapidly in terms of sales and market share. The retail industry has been growing rapidly in terms of sales and market share.

Globalization and liberalization also influenced the changes in retail industry. In the period of 1996 to 2002, the retail industry has been growing rapidly in terms of sales and market share. The retail industry has been growing rapidly in terms of sales and market share.

Globalization and liberalization also influenced the changes in retail industry. In the period of 1996 to 2002, the retail industry has been growing rapidly in terms of sales and market share. The retail industry has been growing rapidly in terms of sales and market share.

Globalization and liberalization also influenced the changes in retail industry. In the period of 1996 to 2002, the retail industry has been growing rapidly in terms of sales and market share. The retail industry has been growing rapidly in terms of sales and market share.

Teks dan gambar sila mail semula,
pastikan file word tu xde komen kat
tepi...

supermarkets such as Wal-Mart, Carrefour and other multinational supermarkets to invest in the Chinese retail sector since 1995 (Xiang *et al.*, 2004). The entrance of these large firms resulted in the closure of smaller domestic supermarkets that could not compete with the multinational retailers.

In the early 1990s, supermarkets first developed in south and east coastal China, in large cities such as Guangdong, Shenzhang, and Shanghai; and major northern cities such as Beijing, Tianjin and Dalian (in the second half of the 1990s); then in inland cities, such as Wuhan (in the late 1990s and 2000s), and finally in the western region and small cities in the past one to two years. In China, large storage facilities and bulk merchandising gave supermarkets an advantage over small shops in selling processed, packaged and bulk foods, such as edible oils, grains, noodles and condiments (Xiang *et al.*, 2004).

Recent studies carried out in South-East Asia showed that supermarkets are growing rapidly and are becoming important and dominant in the food retail sector across the region. The growth of supermarkets in South-East Asia showed similar patterns as those of Latin America (Reardon *et al.*, 2007). The stage of supermarkets in South-East Asia is about five to seven years after Latin America. Supermarkets in this region are growing faster than those in Latin America.

Potential Exclusion of FFV Farmers

High transaction costs make it difficult for farmers to do business with FFV farmers. The procurement systems of supermarkets are likely to lead to further marginalization of producers. Studies indicate that small farmers are being excluded from supermarket-driven horticulture (Key and Runsten, 1999; Delgado and Barrett, 2000; Weatherspoon *et al.*, 2000; Sartorius, 2002; Reardon *et al.*, 2003). Reardon and Reardon (2003) found that risk aversion in Southern Africa forced out small farmers from the dynamic urban markets due to quality and safety standard requirements. However, all farmers have the option of selling to local markets. There is evidence from all areas that smallholders participating in modern chains, both domestic and international, with or without contracts or without, as part of processors or independently. However, it is difficult to assess the extent of participation because most studies adopt a case study approach, tracing a particular retailer or producer group, or targeting location because participation is known to take place there.

This case-based approach is necessary for identifying and assessing emerging trends, but it is not good for estimating their extent. Evidence from central and eastern Europe suggests that smallholder inclusion is robust in areas where most landholdings are uniformly small (Swinnen, 2002). Where smallholders are part of a dualistic system with the

presence of large landholders, modern buyers show a preference for procuring from large farmers. Evidence from Latin America and Africa supports this hypothesis (Berdegue *et al.*, 2005; Reardon *et al.*, 2007). Modern buyers have been known to develop mechanisms for procuring from smallholders because there is no one else to procure from (Narrod *et al.*, 2008) or for public relations purposes. It is difficult to know the extent to which public relations incentives have motivated smallholder inclusion, but such incentives are likely to be limited in nature and short-lived.

To keep up with these new developments, recent years have strong research interest in understanding how these new supply chains work, who are the stakeholders and who is emerging as chain leaders (Poole *et al.*, 2003; Chen *et al.*, 2005; Moustier *et al.*, 2006; Batt and Cadilhon 2007; Vorley *et al.*, 2007). With the right organization or market intermediary to link farmers into these new food supply chains, there are clear benefits for farmers and in particular smallholders. This new literature also identifies the importance of a long-lasting and trusting relationship in the marketing linkages. Building upon these

Teks dan gambar sila mail semula,
pastikan file word tu xde komen kat
tepi...

supermarket achieves this objective by: (i) lowering purchase costs; (ii) lowering transaction costs; (iii) maintaining consistency of supply; and (iv) raising quality and differentiating products (creating brand).

As the supermarket adopts a new procurement system, it might be easier for small-scale farmers and processors to be included in the supply chain of supermarkets so as to remain on the supplier list of these emerging markets. This could be as a result of rapidly changing from a decentralized to centralized procurement system with associated grades and standards. These changes can take as

little as six months making it very difficult for small-scale producers and processors to cope with the changes and hence they may end up being dropped from the list as suppliers. As supermarkets move from decentralized to centralized procurement systems, there is a need for increasing technological, managerial, organizational and financial changes that small-scale farmers and processors need to implement in order to be included and/or remain on the procurement systems of supermarkets. As markets mature, supermarkets tend to move towards centralized procurement or formalized procurement systems with increased use of private grades and standards as well as use of contracts with suppliers (Boselie et al., 2003).

Formalized procurement systems facilitate the transmission of information upstream and downstream, allowing for differentiation of products based on quality and safety, and reducing the costs of coordination between buyers and sellers (Barry et al., 1992; Pingali et al., 2007). Procurement models are changing as marketing systems shift from traditional to structure to modern.

This survey presents and discusses the results of the survey on buyers in their sourcing and procurement practices in Peninsular Malaysia. Buyers make decisions from where and from whom to source their FFV produce. The buyers interviewed were Mydin Mohamed Holdings Berhad, GIANT, Econsave and UO Superstore.

Mydin, Giant, Econsave and UO Superstore

In this section, a description of the sourcing and procurement practices of supermarkets is provided. The results indicated that different chain supermarkets have adopted their own unique procurement systems. However, there appears to be similarities among different supermarkets. Discussions will be made in the following order: (i) MYDIN; (ii) ECONSAVE, (iii) GIANT and (iv) UO Superstore.

Contribution of FFV produce sales to their total sales volume is 15 percent. Mydin procure their FFV produce from various places in Peninsular Malaysia. Mydin FFV Department Manager mentioned that there will be daily FFV produce delivered to their outlets such as tomato; french beans, chillies, kangkung, cucumber, sawi, chinese cabbage, brinjals, lady fingers and etc. These fresh vegetables are procured mainly from Cameron Highlands and wholesale markets such as Selayang and Kuantan. There is daily delivery from EVER FRESH Sdn. Bhd, grower from Cameron Highland. Meanwhile for fresh fruits, Mydin Hypermarket rents their space to an individual to sell fresh fruits.



Econsave

Contribution of FFV produces sales to their total sales volume has ranged between 15 to 20 percent per month. According to the FFV Department Executive, Econsave mainly procures their FFV produce from Selayang Wholesale Market, Cameron Highlands and Johor Wholesale Market. The FFV produce are directly delivered to their customers. Econsave does not have any contracts with growers. Econsave has been using their suppliers since they have been established. Econsave has been cash delivery.

GIANT

Contribution of FFV produce sales to 10 percent of their total sales volume daily by

UO Superstore

Contribution of FFV produce sales to the UO Superstore (UOS) total sales volume has ranged between one to two percent. UOS procures their FFV produce mainly from Selayang Wholesale Market, where the wholesalers deliver the FFV produce directly to UOS. Fresh vegetables are delivered daily while fresh fruits




Table 1.

	Wholesalers
MYDIN	√
GIANT	NP
ECONSAVE	√
UOSuperstore	√

*√ – Practiced, NP – Not Practiced

Table 2. Type of Procurement Practices

Type of Procurement Practices	MYDIN	GIANT	Econsave	UO Superstore
Procurement directly from farmers/growers	√	NP	√	NP
Procurement by use of specialized wholesalers	√	NP	√	√
Procurement by use of specialized sourcing/procurement company (eg. FAMA)	NP	√	NP	NP
Procurement by Distribution Centers	NP	NP	NP	NP

*√ – Practiced, NP – Not Practiced

Table 2 shows that for Mydin and ECONSAVE, FFV farmers have delivered their produce directly to these supermarkets. No written contracts were made. Farmers delivered their produce through verbal arrangement only. According to Mydin and ECONSAVE, the growers have understood the supermarket requirements and the rejection rate of FFV produce, which has been normally less than 2%. These farmers are from Cameron Highlands, who have transported FFV produce directly to the supermarkets. Mydin, ECONSAVE and UO Superstore informed that they have been procuring FFV produce directly from nearby wholesalers, who in turn have delivered directly to the stores. GIANT has a written agreement with FAMA on FFV delivery and the latter has been delivering FFV produce to GIANT outlets.

Table 3. Payment for FFV produces delivery

Period	MYDIN	GIANT	Econsave	UO Superstore
1 Week	√	-	√	-
2 week	√	-	√	-
1 month	-	√	-	√

Supermarkets have never practised cash on delivery. Table 3 shows the payment for FFV produce delivered by the suppliers. Suppliers have to wait a minimum of a week and a maximum of a month to receive payment.

Table 4. The important criteria used by supermarkets in sourcing and procurement of FFV

Criteria*	MYDIN	GIANT	Econsave	UO Superstore
Price	2	2	2	1
Location of produce	-	-	-	-
Volume of produce	1	1	1	2
Quality	3	3	3	-
Formed relationship of trust	-	-	-	3

***Ranked according to importance** (1= fairly important, 2 = important, 3 = very important)

Using the structured questionnaires generated in our study, managers were asked what criteria they considered important in sourcing and procurement of FFV from suppliers. The results showed that Mydin, GIANT and Econsave indicated that the volume of FFV produce was the first criterion for them to choose the suppliers, meaning that the suppliers should be able to deliver the FFV produce consistently. The second criterion was the price of FFV produce, where prices should be reasonable to compete with other supermarkets. The third criterion was the quality of produce. On the other hand, UO superstore indicated that price was its first criterion in choosing the suppliers; followed by the volume of produce; and trustworthiness between buyers and suppliers.

Conclusion

In general, several aspects are apparent from the case studies presented in this section. First, several forms of sourcing and procurement practices for FFV produce were employed by buyers. These practices among others have included: 1) Lead or large scale FFV farmers deliver FFV produce directly to supermarkets; 2) wholesalers directly deliver to supermarkets and 3) supermarkets use of a specialized sourcing and procurement agency such as FAMA. Supermarkets or hypermarkets do not have any contract agreement directly with farmers as well as any written document. FFV farmers' delivery was done by arrangement between the parties concerned. By buying directly from FFV farmers, supermarkets or hypermarkets cut out the middleman, meaning that their fresh produce was cheaper. Supermarkets or hypermarkets bought in bulk and secured their supplies from the wholesale market. This is mainly due to the wholesalers' ability in supplying in bulk as well as delivering quality produce at the right time. Buyers' criterions in choosing suppliers were volume, price, quality and trustworthiness.

References

- Batt, Peter J. and Jean-Joseph Cadilhon (eds) (2007). *Proceedings of the International symposium of fresh produce supply chain management*. 6 to 10 December 2006 Lotus Pang SuanKaeo Hotel, Chiang Mai, Thailand, Bangkok: AFMA, Curtin University of Technology (Perth, WA), Thai Department of Agriculture and FAO.
- Benziger, V. (1996). Small Fields, Big Money: Two Successful Programs in Helping Small Farmers Make the Transition to High Value-Added Crops. *World Development* 24, no. 11, 1681-93.
- Berdegù, J., Reardon, T., Balsevic, F., Flores, L., Schüts, P., Hernández, R. Jano, P., Perès, E. & Lundy, M (2004). Supermarkets and Agrofood systems in Latin America: An overview. Paper presented at the Workshop and International Seminar "Recovering markets-securing small producer participation in restructured national and regional agrofood systems." Amsterdam, The Netherlands, 14-19 November.
- Berdegù, J., Balsevic, F., Flores, L. & Reardon, T. (2004). South American supermarkets' private standards of quality and safety procurement of fresh fruits and vegetables. *Food Policy*, 30 (2005): 254-269.

- Chen, Kevin, Andrew W. Shepherd and Carlos Da Silva (2005). "Changes in food retailing in Asia – Implications of supermarket procurement practices for farmers and traditional marketing systems". Agricultural Management, Marketing and Finance Occasional Paper No.8, Rome: FAO.
- Delgado, C.L., (1999). Sources of growth in smallholder agriculture in Sub-Saharan Africa: the role of vertical integration of smallholder farmers with processors and marketers of high-value added items. *Agrekon*, 38, pp. 165-189.
- Dries, L. Reardon, T. & Swinnen, J.F.M. (2004). The rapid rise of supermarkets in central and eastern Europe: Implications for the agrifood sector and rural development. *Development Policy Review*, 22(5) September: 525-556.
- Euromonitor <http://www.euromonitor.com/Retailing> in
- Ma
- Fatimah
- (20
- Stru
- sub
- Aut
- Ferran
- (20
- obje
- dev
- The
- Ghezan
- Sup
- hor
- Pol
- Gutmar
- sup
- Arg
- 409
- Key, N.
- sm
- Am
- and
- Dev
- KIT, Fai
- Supporting African Farmers to Develop Markets*. Amsterdam: Royal Tropical Institute.
- Narrood, C., Roy, D., Avendano, B. and Okello, (2008). "Impact of international food safety standards on smallholders: Evidence from three cases. The Transformation of Agri-Food Systems: Globalization, Supply Chains and Smallholder Farmers. Edited by Ellen B. McCullough, Prabhu L. Pingali and Kostas G. Stamoulis. FAO. pp355-372.
- Pingali, P. (2007). Westernization of Asian diets and the transformation of food systems: Implication for research and policy. *Food Policy* 32: 281-298.
- Poole, Nigel D., A. WayoSeini and Victor Heh (2003). "Improving agri-food marketing in developing economies: contractual vegetable markets in Ghana". *Development in Practice*. 13(5): 551-557.
- Reardon, T., Barrett, C.B. (2000). *Agroindustrialisation, globalization and international development: an overview of issues, patterns and determinants*, Agricultural Economics, 23:195-205
- Reardon, T., Berdegue, J. (2002). *The Rapid Rise of Supermarkets in Latin America: Challenges and Opportunities for Development*, Development Policy Review, Vol. 20, No. 4, pp.371-88.
- Reardon, T., Timmer, C.P., Barrett, C., Berdegue, J. (2003). *The Rise of Supermarkets in Africa, Asia, Journal Agricultural* 40-1146.
- Reagué, J.(2007). *Impact of supermarkets on smallholder integration for market of Economic*
- of supermarket farmers and Asia. *Agricultural financial services. Organisation of the*
- and integration in cultural and food "rents". *The World*
- Derek Ray (eds) *Smallholder Agriculture for small-scale* Aldershot,
- (2003). *The rise of Supermarkets: Implications for agrifood Development Policy*
- Xiang, Bi, Xiaoxia D., Huang, J, Dingnuan, H. & Roselle, S. (2004). China country report. A paper presented at the workshop and International seminar "Regoverning markets-securing small producer participation in restructured national and regional agrifood systems" Amsterdam, The Netherlands, 14-19 November.

Teks dan gambar sila mail semula,
pastikan file word tu xde komen kat
tepi...



Penyelidik Fakulti Informatik Terima Pengiktirafan KPT

Dua orang penyelidik Fakulti Informatik, UniSZA telah menerima penghargaan daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia pada Malam Citra Inovasi yang berlangsung pada 5 Mac 2013 di Hotel Marriott Putrajaya.

Malam Citra Inovasi merupakan salah satu inisiatif untuk menyokong pelaksanaan Pelan Tindakan Pembangunan Modal Insan Inovatif Peringkat Tertinggi (PTPMI IPT) dan Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional 2012. Antara objektifnya adalah untuk menghargai sumbangan penyelidik dalam membudayakan aktiviti inovasi melalui penyelidikan berimpak tinggi dan memberi sumbangan kepada masyarakat.

Majlis ini telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha KPT, Dato' Ab. Rahim Md Noor yang mewakili Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin dan turut dihadiri oleh hampir keseluruhan wakil Institusi Pengajian Tinggi Awam yang bersama-sama menerima penghargaan melalui hasil produk masing-masing dan mengiktiraf inovasi yang telah dilaksanakan di IPTA, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti.

Penyelidik yang terpilih menerima penghargaan ini adalah Prof. Madya Dr. Fadilah Ahmad dengan produk *i-Kafa* dan Encik Suhailan Dato' Safei dengan produk *Iqra iT*.

FPB Rangkul Anugerah I-ENVEX 2013

Fakulti Pertanian dan Bioteknologi (FPB) telah berjaya merangkul pingat emas bagi penyelidikan siswazah bertajuk *Innovative Hand Tool Harvester* di *International Engineering Invention & Innovation Exhibition (i-ENVEX) 2013*. Peserta program ini terdiri daripada Dr. Mohd Hudzari Hj Razali, Encik Abdul Ssomad M. Abd Halim, Encik Noordin Asimi Mohd Noor, Prof. Madya Dr. Azizah Endut, Encik Mohd Rizuwan Yahaya dan Encik Soran Jalal Abdullah.

Program penyelidikan ubi gadong yang diketuai oleh Dr. Mohd Hudzari Hj Razali, dan dianggotai oleh Encik Rizuwan Yahaya, Prof. Dr. Che Abdullah Abu Bakar, Encik Wan Musa Wan Muda, Encik Syazili Roslan dan Encik Abdul Ssomad M. Abd Halim

pula telah berjaya merangkul pingat gangsa bagi penyelidikan mekanisasi pertanian gadong yang bertajuk *Automated Removal Machine for Crop Toxicity*.

Program ini telah berlangsung di Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) pada 16-19 April 2013. Peserta program terdiri daripada penyelidik-penyelidik institusi pengajian tinggi dari dalam dan luar negara.

Ketua projek penyelidikan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan pencapaian ini terutama pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) kerana membiayai kos sepanjang penyelidikan tersebut dijalankan.

Pengumpulan dan Pendepositan al-Quran Secara Sistemik di Perpustakaan UniSZA

Perpustakaan UniSZA telah mengambil inisiatif untuk menjadi pusat pengumpulan dan pendepositan naskhah-naskhah al-Quran yang rosak. Inisiatif yang julung kalinya dilakukan oleh sebuah perpustakaan universiti ini dilakukan bagi melaksanakan prosedur pelupusan al-Quran secara sistemik dengan mengambil kira garis panduan dan tatacara terbaik iaitu sejajar dengan kaedah yang ditetapkan oleh pihak berkuasa agama Islam bagi melupuskan naskhah kitab suci al-Quran.

Pihak perpustakaan menyedari bahawa proses pelupusan al-Quran secara tertib merupakan satu tanggungjawab dalam memastikan kesucian serta kesejahteraan al-Quran yang mengandungi kalam Allah itu sentiasa terpelihara. Hal ini melibatkan naskhah al-Quran yang telah rosak atau tidak boleh digunakan lagi, maka hendaklah dilupuskan mengikut tertib dan tatacara yang betul.

Bersesuaian dengan peranan sebagai perkhidmatan barisan hadapan yang memancarkan imej UniSZA, perpustakaan telah mengorak langkah dalam melaksanakan peranan yang sewajarnya dalam hal ini. Ia juga dilihat sebagai pendekatan terbaik dalam membendung orang ramai daripada membuang atau melupuskan al-Quran dengan sewenang-wenangnya. Usaha yang dilakukan ini adalah sejajar dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa ke-30 yang bersidang pada 22 Ogos 1992 dengan ketetapan bahawa al-Quran yang rosak perlu dilupuskan dengan cara dibakar dan ditanam di tempat yang dikawal.

Selain itu, program ini merupakan suatu usaha murni bagi memelihara kesucian naskhah al-Quran serta memastikan proses pelupusan dilaksanakan mengikut syariat Islam. Malahan, ia juga dapat mengelakkan kita daripada membuang naskhah-naskhah al-Quran di merata tempat atau

membiarkannya di tempat yang tidak sepatutnya. Melalui usaha yang dilakukan, ia turut dapat mendidik warga UniSZA melakukan proses pelupusan naskhah-naskhah al-Quran tersebut dengan kaedah yang betul. Sebagai langkah permulaan, program ini dijalankan di peringkat UniSZA terlebih dahulu sebelum disebar luas ke peringkat seterusnya.

Dari segi kaedah pelupusan al-Quran pula, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) Terengganu telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kaedah melupuskan naskhah-naskhah tersebut. MAIDAM Terengganu merupakan sebuah agensi kerajaan negeri yang pertama di negara ini yang telah menghasilkan relau khas bagi menjalankan proses pelupusan al-Quran. Penciptaan Relau Pelupusan al-Quran yang diberi nama Relau PAQ telah dicipta sendiri oleh kakitangan di Bahagian Penyelidikan, MAIDAM Terengganu untuk memudahkan proses pelupusan al-Quran di mana kerja-kerja pembakaran dapat dilakukan dengan lebih sistemik. Proses pelupusan al-Quran hanya dilakukan tiga hari dalam seminggu dengan menjalankan kerja-kerja pembakaran kira-kira lapan jam sehari oleh tiga orang pekerja. Hasil pembakaran al-Quran sebanyak seratus kilogram (kg) menggunakan relau tersebut akan menghasilkan sebanyak 14 kg abu. Setelah pembakaran dibuat dan menghasilkan abu, ia akan dibuang ke dalam laut iaitu sejauh kira-kira sembilan batu nautika.

Sehingga kini, program ini mendapat reaksi yang positif dalam kalangan warga UniSZA. Sehubungan itu, adalah diharapkan agar program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dan akan terus memberi peluang dan pendedahan kepada semua warga UniSZA tentang kepentingan pelupusan al-Quran mengikut tatacara yang betul demi memelihara kalam suci ini.

FiT Juara Dua Kategori Pertandingan Multimedia Kreatif UKM 2013

Pelajar Diploma Teknologi Maklumat (Multimedia) Fakulti Informatik, UniSZA telah berjaya merangkul kemenangan tempat pertama bagi dua kategori yang berbeza dalam Pertandingan Multimedia Kreatif UKM 2013. Pertandingan ini adalah anjuran Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi yang berlangsung pada 27 dan 28 Februari 2013. Hadiah tempat pertama bagi kategori pertandingan poster berupa wang tunai berjumlah RM1000 manakala hadiah bagi kategori pertandingan animasi 2D berjumlah RM400.

Pertandingan ini secara tidak langsung dapat memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar dalam penyertaan pertandingan multimedia. Selain itu, pelajar dapat membina hubungan dan jaringan kerjasama antara pelajar di IPTA dan IPTS yang lain terutama dalam bidang multimedia. Pertandingan ini juga berupaya menjadi penanda aras bagi mengukur tahap kreativiti pelajar FiT dengan pelajar institut pengajian tinggi lain.

Pelancaran IM4U Outreach Centre

UniSZA telah menubuhkan IM4U Outreach Centre sebagai menyahut seruan kerajaan yang inginkan setiap IPT mewujudkan sekurang-kurangnya sebuah *Outreach Centre*. Majlis pelancaran telah dirasmikan oleh Menteri Belia dan Sukan Malaysia, merangkap Menteri Mentor UniSZA Dato' Seri Ahmad Shabery Cheek, pada 23 Februari 2013 bersesuaian dengan Tahun Sukarelawan Negara. Majlis turut dihadiri oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim.



Objektif penubuhan ini adalah untuk membantu masyarakat dunia yang memerlukan bantuan dan khidmat sukarelawan khususnya bagi masyarakat sekitar UniSZA, selain meletakkan pelajar Malaysia sebagai pemimpin sukarelawan di persada dunia dan membina hubungan, jaringan di peringkat antarabangsa.

Penubuhan IM4U Outreach Centre merupakan platform kepada golongan belia untuk tampil ke hadapan dengan tenaga, buah fikiran dan masa demi kesejahteraan masyarakat dan negara. Melalui platform IM4U, para pelajar akan menyumbang kepada semangat sukarelawan dan apa sahaja yang boleh mendatangkan manfaat dan kebaikan kepada masyarakat dan negara. Program ini juga diperkenalkan kerajaan untuk menggalakkan pembabitan belia

dalam aktiviti sukarelawan bersifat kenegaraan dan semangat 1Malaysia. Ia juga pengiktirafan kerajaan kepada belia dan pada masa sama mendidik golongan itu menjadi rakyat yang sentiasa mahu berbakti tanpa mengharapkan ganjaran.

Terdapat beberapa program kesukarelawan yang telah dijalankan pada tahun 2013, antaranya Program Pasca Banjir di Kawasan Besut dan Kemaman, Himpunan Sekretariat UniSZA, Gotong-royong Perdana dan Cakna UniSZA. Terdapat beberapa lagi program yang sedang dalam perancangan. Diharapkan dengan adanya IM4U Outreach Centre ini para pelajar lebih mengambil berat tentang keadaan persekitaran mereka.

Program Kitchen Opening Day

Pada 5 Jun 2013 baru-baru ini, Program Dietetik, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) telah berjaya mengadakan 'Program Kitchen Opening Day'. Program ini merupakan upacara perasmian sempena pembukaan Makmal Penyediaan Makanan dan Diet Terapeutik yang baru siap di UniSZA, Kampus Gong Badak. Ia melibatkan seramai 20 orang staf FPSK, terutamanya staf Program Dietetik dan jalinan kerjasama dengan 20 orang pelajar DECSA (Dietetic Students Association).

Objektif utama program ini adalah untuk memperkenalkan Dapur Dietetik @ Makmal Penyediaan Makanan dan Diet Terapeutik kepada semua staf dan para pelajar di kampus Gong Badak. Selain itu, pelajar DECSA dapat mempromosikan kaedah pengambilan makanan sihat menerusi aktiviti *Demo Masakan Sihat* dan *Diet Talk* yang bertajuk *Did I Eat That?* yang telah disampaikan oleh Pegawai Dietetik FPSK, Encik Ibrahim Abdullah.

Upacara perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Dekan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar FPSK, Dr. Salwani Ismail, dengan dihadiri oleh beberapa tetamu kehormat terdiri daripada Mantan Dekan FPSK, Dato' Prof. Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif, Mantan Dekan Fakulti Teknologi Makanan, Prof. Dr. Che Abdullah Abu Bakar dan wakil dari Pusat Islam, Ustaz Mohd Sabir Sabri. Program bermula pada pukul 8.00 pagi dengan sesi pendaftaran tetamu yang hadir dan diikuti dengan solat hajat serta bacaan Yasin yang diketuai oleh Ustaz Mohd Sabir Sabri. Seterusnya, majlis dimeriahkan lagi dengan aktiviti Demo Masakan Sihat, Diet Talk, Kuiz, Cabutan Bertuah, Tayangan Montaj Program Dietetik, acara Simbolik Perasmian Dapur Dietetik dan diakhiri dengan aktiviti lawatan.



Pengiktirafan Global Kepakaran dan Produk UniSZA di ITEX 2013

Bagi sebuah institusi pendidikan seperti UniSZA, dapatan kajian berkaitan semestinya menjadi lebih bermakna jika ia dapat didedahkan kepada pengetahuan ramai melalui penyertaan ITEX yang menjadi satu wadah kepada penyelidik untuk mempamerkan hasil ciptaan dan inovasi penyelidikan mereka seterusnya dapat mempromosi serta mengkomersilkannya.

UniSZA melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) telah menyertai ITEX pada 9 hingga 11 Mei 2013 di *Kuala Lumpur Convention Centre* (KLCC) yang dianjurkan oleh *Malaysian Invention and Design Society* (MINDS) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia.

Pameran ini telah dirasmikan oleh Mantan Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Prof. Emeritus Tan Sri Dato Hj. Omar Abdul Rahman. Gerai pameran UniSZA merekodkan hampir 500 orang pengunjung dari pelbagai latar belakang. Pameran ini melibatkan 20 orang peserta dengan 10 produk hasil penyelidikan daripada pensyarah Fakulti Informatik, Fakulti Pertanian dan Bioteknologi serta Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

Kesemua 10 produk hasil ciptaan penyelidik UniSZA yang menyertai ITEX 2013 telah berjaya memenangi anugerah iaitu lima pingat emas dan lima pingat perak. Satu daripada produk berkenaan iaitu *ExGenoba System* hasil ciptaan Azwa Abdul Aziz, Khoo Chu Sien, Norlina Udin @ Kamaruddin, Ahmad Nazari Mohd Rose, Irma Shayana Samaden, Julaily Aida Jusoh dan Wan Mohd Rizhan Wan Idris telah berjaya memenangi anugerah khas *Ram Rais Award* bagi kategori *Best Invention in Information and Communication Technology (ICT)*.



Maklumat penyelidik UniSZA yang telah berjaya memenangi pingat dalam ITEX 2013 adalah seperti berikut:

Bil	Projek	Penyelidik	Kategori	Pingat
1.	<i>Virtual Umrah</i>	Normala Rahim, Nazirah Abd Hamid, Wan Mailini Wan Isa, Siti Dhalila Mohd Satar, Azilawati Rozaimée, Jamalluddin Hashim, Wan Ismail Wan Abdullah	ICT	Emas
2.	<i>ExGenoba System</i>	Azwa Abdul Aziz, Khoo Chu Sien, Norlina Udin @ Kamaruddin, Ahmad Nazari Mohd Rose, Irma Shayana Samaden, Julaily Aida Jusoh, Wan Mohd Rizhan Wan Idris	ICT	Emas
3.	<i>Ovarian Tumour Diagnosis System(OTDS)</i>	Mohd Kamir Yusof, Gumballi Krishna Murthy Swethadri, Fatimah Ghazali	EDU	Emas
4.	<i>Interactive Animated Epilepsy Education Programme (IAEEP) for Children</i>	Prof. Dr. Lua Pei Lin, Neni Widiasmoro Selamat, Syaiful Hisyam Saleh, Jimmy Lee Kok Foo, Zariah Abd Aziz	ICT	Emas
5.	<i>I-Toxicity Removal System an Intelligent Automated Crop Machine</i>	Dr. Mohd. Hudzari Haji Razali, Muhamad Rizuwan Bin Yahir @ Yahaya, Syazili Roslan, Abdul Ssomad M. Abd Halim, Che Abdullah Abu Bakar, Noordin Asimi Mohd Noor, Nurul Syuhada Mohamad	Agriculture	Emas
6.	<i>e-Meeting</i>	Fatimah Ghazali, Mohd Kamir Yusof, Raja Hasyifah Raja Bongso, Julaily Aida Jusoh	ICT	Perak
7.	<i>Smart Home Automation System (SHAS)</i>	Syarillairyani Ahmad Saany, Muhammad Azfar Dhakyudheen, Irma Shayana Samaden	ICT	Perak
8.	<i>eduBI: A New Perspective on Analytical Analysis for Students' Academic Performance</i>	Prof. Madya Dr. Mohd Nordin Abd Rahman, Azwa Abdul Aziz, Julaily Aida Jusoh, Hasni Hassan, Wan Mohd Rizhan Wan Idris	ICT	Perak
9.	<i>Bike Buddy Notification System Using HTML5 and Geolocation</i>	Dr. Mohd Fadzil Abd Kadir, Nor Aida Mahiddin, Engku Fadzli Hasan Syed Abdullah, Ahmad Abdullah Jaafar	ICT	Perak
10.	<i>The Intelligent of Water Pollution Sensor</i>	Dr. Abd Jamil Zakaria, Syahril Amin Hashim, Prof. Dr. Mohd Zubir Mat Jafri, Mohd Zaki Mohd Yusoff, Dr. Ahmad Fairuz Omar	Environment	Perak

Sekalung penghargaan dan tahniah kepada para penyelidik UniSZA yang telah berjaya memenangi pingat masing-masing. Semoga kejayaan ini akan menyemarakkan lagi budaya dan aktiviti penyelidikan dalam kalangan pensyarah UniSZA secara amnya.

A Weekend in English



Bahasa Inggeris sangat penting dalam era globalisasi kerana ia merupakan medium komunikasi dalam pelbagai bidang. Bagi menguasai bahasa ini, pengajaran dan pembelajaran perlu diperkukuhkan sejak sekolah rendah lagi. Justeru, TESL Society, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) mengambil inisiatif meneruskan program 'A Weekend in English' (AWIE) yang dilaksanakan di sekolah-sekolah terpilih sekitar Kuala Terengganu. Program ini merupakan satu program komuniti yang diadakan untuk menggalakkan para pelajar sekolah menggunakan bahasa Inggeris. Program kali ini melibatkan dua buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Batu Rakit yang berlangsung pada 20-22 Jun 2013 dan Sekolah Kebangsaan Pagar Besi pada 27-29 Jun 2013. Sekolah Kebangsaan Batu Rakit melibatkan 146 orang pelajar manakala Sekolah Kebangsaan Pagar Besi seramai 139 orang pelajar. Seramai 65 orang pelajar Diploma TESL UniSZA bertindak sebagai fasilitator. Program ini dibimbing oleh sepuluh orang pembimbing yang terdiri daripada pensyarah dan guru bahasa FBK.

Bertemakan *English for Community*, program AWIE dijalankan dengan dua jenis aktiviti utama iaitu aktiviti *indoor* dan aktiviti *outdoor*. Kesemua aktiviti yang dijalankan bertujuan untuk membantu pelajar sekolah rendah menguasai bahasa Inggeris dengan berkesan. Ia juga memberi peluang kepada pelajar TESL semester empat untuk mengaplikasikan pengetahuan pengajaran bahasa melalui aktiviti yang dijalankan, di samping mempersiapkan diri sebelum menjalani praktikum pengajaran pada semester enam. Selain itu, ia juga bertujuan menjalinkan kerjasama yang baik antara UniSZA dengan sekolah-sekolah rendah dan komuniti setempat.



Program ini telah dilaksanakan dengan jayanya dan perasmian penutup bagi Sekolah Kebangsaan Batu Rakit disempurnakan oleh Dekan FBK, Puan Azizah Endut pada 22 Jun 2013, manakala perasmian penutup bagi Sekolah Kebangsaan Pagar Besi disempurnakan oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim. Program ini akan diperluaskan ke sekolah-sekolah yang lain sekitar Kuala Terengganu.

Bengkel Celik ICT

Bengkel Celik ICT anjuran Fakulti Informatik (FiT) telah diadakan pada 16 Mac 2013 bertempat di Blok Anas, Fakulti Informatik, UniSZA yang disertai oleh semua guru dan kakitangan pentadbiran Sekolah Kebangsaan Tanjung Gelam. Bengkel ini dibantu oleh empat orang penceramah yang terdiri daripada kakitangan akademik fakulti bagi mengendalikan sesi kursus ICT kepada para peserta.

Tujuan program ini adalah untuk memberi pendedahan secara praktikal tentang ICT terutama penggunaan perisian dalam pengajaran dan pembelajaran, merapatkan jurang digital dengan memberi kesedaran kepentingan ICT kepada para guru dan kakitangan Sekolah Kebangsaan Tanjung Gelam serta merapatkan hubungan antara FiT dan sekolah angkat agar masyarakat setempat mendapat manfaatnya.



Delegasi Merentasi Kepulauan Borneo



Program Delegasi Merentasi Kepulauan Borneo telah diadakan pada 4 – 9 April 2013 anjuran bersama Jawatankuasa Perumahan dan Kebajikan Pelajar Kolej Kediaman A (JKPA) UniSZA dengan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa Kolej Kediaman E (JAKMAS E) Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Tujuan program ini diadakan adalah untuk bertukar-tukar pandangan dengan JAKMAS E UMS untuk meningkatkan lagi tahap kepimpinan dalam Kolej Kediaman masing-masing. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk menambah ilmu pengetahuan dan memberi pendedahan kepada para peserta tentang kaedah berkomunikasi dengan baik di samping mempraktikkan nilai-nilai murni dan

kemahiran insaniah sepanjang program berlangsung.

Antara aktiviti dijalankan sepanjang program tersebut berlangsung adalah diskusi dan perkongsian ilmu bersama JAKMAS E, lawatan ke Kolej Kediaman UMS dan sekitar UMS dan Program Kemasyarakatan di Sekolah Tunas Bakti (Sekolah Pemulihan Akhlak). Program ini melibatkan 31 orang pelajar UniSZA berserta tiga orang pegawai pengiring.

Program ini dilihat mampu memupuk sikap tanggungjawab dan kerjasama dalam satu pasukan, mengeratkan hubungan silaturrahim dengan universiti lain serta dapat memberi pendedahan tentang peranan mahasiswa/i terhadap masyarakat.





Kem ICT 2013

ICT-CAMP'13 merupakan satu program yang dirangka khusus untuk pelajar-pelajar terpilih dari sekolah-sekolah menengah di negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang. Pelaksanaan ICT-CAMP'13 adalah program kali ke-4 anjuran Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) dengan kerjasama MDeC untuk membudayakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta merakyatkan fakulti dan universiti. Ia telah berlangsung selama dua hari satu malam pada 24 - 25 Mei 2013 bertempat di UniSZA, Kampus Gong Badak. Kem ini disertai oleh 46 buah sekolah menengah iaitu 36 dari Terengganu dan 10 dari Kelantan. Jumlah keseluruhan peserta ialah seramai 159 orang dengan 51 orang guru dan 108 pelajar.

Selain daripada wacana, ceramah ICT dan taklimat pengajian akademik dalam bidang ICT serta bengkel menggunakan perisian membina montaj turut dilaksanakan. Aktiviti seumpama ini dapat mencungkil kreativiti pelajar melalui pertandingan membina montaj berdasarkan tema 'Membina Kreativiti Melalui ICT'.

Kem ini mendapat kerjasama daripada Multimedia Development Corporation (MDeC), Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu, Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan, Jabatan Pelajaran Negeri Pahang, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Malaysia Pahang dan Universiti Malaysia Kelantan.

Program ini dirasmikan oleh Pemangku Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniSZA, Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar. Keseluruhan peserta memberi maklum balas yang sangat positif dan menggalakkan, serta mengharapkan lebih banyak program berbentuk ICT digerakkan oleh pihak universiti untuk pelajar sekolah. Jaringan silaturrahim yang diwujudkan antara peserta dengan penganjur tidak terputus walaupun program telah berakhir apabila semua peserta terlibat didaftarkan dalam komuniti *facebook* ICT CAMP 2013 (<https://www.facebook.com/groups/ictcamp2013/>) bagi membolehkan perkongsian idea, pengetahuan, pengalaman dan kemahiran ICT terus berjalan.

Hari Komuniti Siber UniSZA

Saidina Umar al Khattab pernah mengungkapkan, "Ajarlah anak-anakmu dengan ilmu semasa. Sesungguhnya mereka dicipta pada suatu zaman yang bukan lagi zamanmu". Berpegang kepada ungkapan tersebut, Persatuan Mahasiswa Fakulti Informatik (FiTs) UniSZA mengambil inisiatif untuk mengadakan Hari Komuniti Siber UniSZA pada 11 April 2013 bertempat di Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Gelam, Kuala Terengganu.

Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar, guru-guru sekolah dan ibu bapa tentang matlamat dan cabaran teknologi maklumat dan komunikasi pada masa ini.

Program ini melibatkan para pelajar FiTs dan dibantu oleh beberapa orang pensyarah termasuk Timbalan Dekan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar, Encik Suhailan Safie, Timbalan Dekan Penyelidikan, Siswazah dan Jaringan Industri, Prof. Madya Dr. Fadhillah Ahmad dan Ketua Jabatan Sains Komputer, Encik Ahmad Nazari Mohd Rose. Aktiviti yang diadakan adalah ceramah, forum, sukaneka dan permainan atas talian.

Mahasiswa Cakna Komuniti UniSZA

Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UniSZA dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP UniSZA) dan Sekretariat Rakan Muda (SRM IPT UniSZA) telah menganjurkan Program Bakti Siswa: Mahasiswa Cakna Komuniti UniSZA 2013 pada 21-23 Mac 2013 bertempat di Kg. Gong Chengal & Kg. Bukit Kukuran, Kemaman, Terengganu. Program ini telah berjaya melibatkan seramai 80 mahasiswa/i UniSZA. Program ini bertemakan *Kesukarelaan Mahasiswa Pencetus Transformasi Generasi Berwawasan*.

Program anjuran bersama Perwakilan Pelajar & Pertubuhan Belia UniSZA ini telah mendapat kerjasama lebih daripada 20 buah agensi kerajaan dan Perbadanan NGO sekitar daerah Kemaman dan Negeri Terengganu seperti Pejabat Penyelaras Parlimen Kemaman, Majlis Perbandaran Kemaman, Pejabat ADUN, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Institut Kemahiran Belia Negara, Kementerian Belia & Sukan dan sebagainya.

Program ini telah dirasmikan oleh Pengerusi Jawatan kuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kg. Bukit Kukuran, Tuan Haji Sulaiman Ibrahim, mewakili Yang Berhormat ADUN Kemasik, Ir Rosli Othman, pada 21 Mac 2013 di Balai JKKK & Dewan

Orang Ramai Kg. Gong Chengal.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti Solat Hajat Perdana Mahasiswa – *Tribute to Lahad Datu & Gaza, Palestine*, Senamrobik Perdana Mahasiswa, Sukaneka Rakyat, Malam Kebudayaan UniSZA di Desa, Khidmat Komuniti iaitu gotong-royong membersihkan Pantai Kemasik dan juga Kunjung Rumah Penerima Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Penglibatan peguam-peguam berpengalaman dari Tetuan YN Anuwar & Co, En. Anuwar Yeop Nasir dalam segmen aktiviti *Legal Aid Clinic* membolehkan masyarakat kampung mendapatkan khidmat guaman secara percuma bagi hal-hal melibatkan pembahagian harta pusaka, hal-hal tanah dan lain-lain.

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Pegawai Khas Menteri Belia dan Sukan, Encik Mohd Ali Mansor, mewakili Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek. Majlis perpisahan ini diiringi dengan tangisan air mata di saat ibu bapa angkat menyerahkan kembali anak-anak angkat mereka kepada Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Dr. Abdul Hakim Abdullah yang hadir mewakili UniSZA. Majlis penyerahan semula anak angkat kepada UniSZA itu disempurnakan oleh Pengerusi JKKK berkenaan.

Kajian Kranial di Sekolah Daerah Kuala Terengganu

Ketua penyelidik kajian kranial, Prof. Dr. Swamy KB diikuti dengan penyelidik bersama iaitu, Prof. Madya Dr. Norizhar Hj. Kadarman, Prof. Madya Dr. Azmi Hassan, dan Puan Suwaibah Abd. Hadi dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) telah mengadakan mesyuarat jalinan kerjasama dengan 30 orang Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dari sekolah-sekolah di daerah Kuala Terengganu bertempat di Dewan Alamanda, Jabatan Pelajaran Kuala Terengganu pada 8 April 2013.

Susulan daripada keputusan mesyuarat tersebut, FPSK telah menganjurkan Bengkel Ujian Kecerdasan melibatkan para penyelidik kajian kranial bersama 30 orang guru kaunselor daerah Kuala Terengganu di Kolej Vokasional Kuala Terengganu pada 14 April 2013. Seminar ini dikendalikan oleh pakar psikologi klinikal, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Ponnusami a/l Subramaniam. Ia bertujuan melatih penyelidik serta guru-guru sekolah menjalankan penilaian tahap kecerdasan bagi menjayakan projek penyelidikan universiti yang bertajuk *Kajian Korelasi Kapasiti Kranial*

dengan Keupayaan Mental dalam Kalangan Pelajar Sekolah yang berumur 7 - 16 Tahun Daerah Kuala Terengganu.

Kerjasama erat dalam kalangan penyelidik dengan guru-guru sekolah ini dapat memberi input kepada para guru untuk menilai tahap pengajaran dan pembelajaran agar dapat dipertingkatkan bagi melahirkan lebih ramai cendekiawan di negeri ini.



Pelancaran Program SME University Internship 2013

Program *SME University Internship* merupakan satu program yang dijalankan oleh Pusat Keusahawanan UniSZA dengan kerjasama Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia). Matlamat utama program ini adalah untuk membantu meningkatkan keupayaan perniagaan dan kapasiti pengeluaran syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta memberi pendedahan kepada para pelajar universiti berkaitan dunia keusahawanan dan potensi yang ada di sektor PKS.

Program yang disertai oleh seramai 30 orang mahasiswa/i UniSZA ini bermula secara rasminya dengan sesi pelancaran yang diadakan pada 25 April 2013. Wakil daripada lima buah syarikat PKS dari sekitar Kuala Terengganu turut menghadiri majlis pelancaran program tersebut yang turut dihadiri oleh pihak SME Corp. Malaysia.



Lima orang mentor dari kalangan pensyarah UniSZA turut dilantik bagi memantau perjalanan program ini selama empat bulan. Lima pensyarah berkenaan adalah, Dr. Fakhru Anwar Zainol, Encik Wan Zulqurnain Wan Ismail serta Cik Nor Asmahani Ibrahim dari Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan, manakala dua pensyarah lagi dari Fakulti Informatik iaitu Puan Fauziah Ab.Wahab dan Puan Raja Hasyifah Raja Bongsu.

Diharapkan dengan adanya program sebegini dapat membantu memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan penuntut universiti di samping membantu meningkatkan keupayaan syarikat PKS di Malaysia.

Penyertaan UniSZA dalam Pameran MISTI 2013



UniSZA melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) telah menyertai pameran Sempena Minggu Sains, Teknologi & Inovasi (MISTI) 2013 pada 24 hingga 27 Jun di Dewan Dato' Seri Amar, Chukai, Kemaman. Pameran ini dianjurkan secara bersama oleh Pusat Sains & Kreativiti Terengganu (PSKT), Pusat Sains Negara dan Yayasan Inovasi Malaysia.

Objektif pameran ini adalah untuk memberi peluang kepada para peserta terlibat secara langsung dengan aktiviti sains dan teknologi serta menjana minat para peserta dalam bidang sains khususnya inovasi dan kreativiti. Selain itu, kepentingan pendidikan sains,

teknologi dan budaya inovasi dapat diterapkan dalam diri peserta sebagai satu persediaan bagi mendepani Wawasan 2020 serta membina masyarakat berminda kelas pertama.

Pameran ini telah dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Sains dan Teknologi, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Air Negeri Terengganu, Dato' Hj. Ahmad Razif Abdul Rahman. Gerai pameran UniSZA dikunjungi oleh hampir 1500 orang pengunjung yang terdiri daripada para pelajar, guru-guru dan penduduk yang berdekatan. Antara tetamu kehormat yang mengunjungi gerai pameran UniSZA ialah Dato' Hj. Ahmad Razif Abdul Rahman dan Pengarah Pusat Sains Negara, Prof. Madya Dr. Irmawati Ramli.

Sekalung penghargaan kepada para penyelidik dan kakitangan UniSZA yang telah berusaha bersungguh-sungguh bagi menjayakan pameran berkenaan. Secara tidak langsung, aktiviti pameran ini dapat mempromosi dan menaikkan nama UniSZA kepada masyarakat luar. Aktiviti penyelidikan perlu dipergiatkan dari semasa ke semasa dengan memperbanyakkan produk baru yang dapat meningkatkan mutu kehidupan masyarakat ke arah yang lebih baik seiring dengan kepesatan dunia teknologi hari ini.



Majlis Penyerahan Anak Angkat bagi Program WISE 2013

Pusat Keusahawanan (CE) UniSZA telah mengadakan Majlis Penyerahan Anak Angkat bagi program *Women in Social Enterprise* (WISE) 2013, pada 30 Jun 2013. Program yang diadakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bertempat di Pejabat AIM melibatkan 12 orang ibu angkat sahabat Amanah Ikhtiar, enam orang mentor iaitu pensyarah UniSZA dan 24 orang pelajar.

Objektif program ini adalah untuk menerapkan budaya dan nilai keusahawanan kepada pelajar IPT melalui aktiviti keusahawanan sosial dan mendekatkan

pelajar IPT dengan masyarakat setempat. Selain itu, program ini juga, memberi ruang kepada pelajar IPT untuk mengaplikasikan ilmu pengetahuan yang diajar secara teori kepada mereka. Program ini diadakan secara dua peringkat seperti berikut:

Fasa Pertama – 30 Jun - 13 Julai 2013

Fasa Kedua - 17 Ogos - 1 September 2013

Majlis perasmian peringkat negeri diadakan di Sekolah Menengah Kuala Besut pada 13 Julai 2013 oleh Menteri Pendidikan Malaysia II, Dato' Seri Idris Jusoh.

Pusat Islam UniSZA Kembangkan Jaringan Kerjasama

Pada 18 - 20 Mac 2013, Pusat Islam UniSZA telah membuat lawatan kerja ke beberapa buah Pusat Islam IPTA dan institusi masjid pilihan di negeri-negeri seluruh Malaysia. Antara destinasi yang dituju ialah Pusat Islam Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Masjid Negara Kuala Lumpur dan Masjid al-Ghufran Pinggiran Taman Tun Dr Ismail.

Lawatan ini bertujuan untuk melawat dan mengetahui dengan lebih dekat tentang cara

pengurusan dan pentadbiran Pusat Islam di IPTA serta institusi masjid terpilih agar dapat direalisasikan di Pusat Islam UniSZA. Kerjasama ini telah mengeratkan hubungan silaturrahim antara para pegawai dan kakitangan dalam mewujudkan jaringan kerja dan toleransi yang baik.

Program ini telah memberi impak yang besar kepada semua pihak dalam perkongsian ilmu bagi memantapkan pengurusan Pusat Islam dan institusi masjid masing-masing.

Selangkah ke Universiti bersama PRS



Dalam usaha melahirkan pemimpin yang berkaliber pada masa akan datang serta meningkatkan mutu pengurusan organisasi berkembang dengan menyeluruh, Seksyen Kaunseling dan Kerjaya (SKK), HEPA telah mengadakan Program Selangkah ke Universiti: Sehari Bersama Pembimbing Rakan Siswa (PRS) UniSZA. Program ini telah menghimpunkan 70 peserta terdiri daripada ahli kelab PRS UniSZA dan wakil ahli Kelab Pembimbing Rakan Sebaya sekolah menengah sekitar Gong Badak.

Program sehari yang diadakan di Bilik Aktiviti Fakulti Pengajian Kontemporari Islam UniSZA Kampus Gong Badak bertujuan untuk melatih para pelajar agar mempunyai sifat kepimpinan yang cemerlang dan berani membuat keputusan serta bersedia menerima pandangan orang lain.

Melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan semasa program ini, para peserta dapat mengetahui kualiti yang ada pada diri mereka berdasarkan kemampuan masing-masing dan meningkatkan daya saing mereka dalam menyahut cabaran semasa. Antara sekolah

yang menghantar wakil untuk mengikuti program ini ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ibrahim Fikri, SMK Mengabang Telipot, SMK Kompleks Gong Badak, SMK Seberang Takir, SMK Kuala Jeneris, SMK Guntong dan SMK Belara. SMKA Tok Jiring, Sekolah Menengah (SM) Sains Sultan Mahmud dan SM Teknik Kuala Terengganu turut menghantar wakil mereka untuk menjayakan program ini.

Pada masa yang sama, program ini merupakan satu platform terbaik bagi PRS UniSZA untuk menyumbang bakti kepada masyarakat setempat, selain meningkatkan kemahiran diri. Sememangnya menjadi hasrat pihak universiti agar setiap mahasiswa dan mahasiswi UniSZA mempunyai keterampilan kepimpinan yang setanding dengan para pelajar IPTA dan IPTS di Malaysia. Usaha ini memerlukan latihan dan sokongan secara berterusan oleh semua pihak agar mahasiswa dan mahasiswi UniSZA mampu mencipta kejayaan besar dalam bidang kepimpinan di peringkat global satu masa nanti.

UniSZA Bantu Komuniti Mengenali Dyslexia

Dyslexia bukanlah satu penyakit, tetapi merupakan salah satu gangguan dalam pembelajaran yang kebiasaannya dialami oleh kanak-kanak. Antara masalah pembelajaran tersebut adalah seperti membaca, menulis, mengeja dan kemahiran mengira walaupun mereka mempunyai daya pemikiran yang normal.

Di atas kesedaran itu, Fakulti Informatik (FiT), UniSZA telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan program Kempen Kesedaran Dyslexia dengan kerjasama Persatuan Dyslexia Malaysia pada 20 April 2013 bertempat di Dewan Auditorium, Blok Akademik, UniSZA, Kampus Gong Badak. Matlamat utama program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada para guru taska dan tadika mengenai definisi, simptom dan rawatan dyslexia serta mengenalpasti kanak-kanak yang menghadapi masalah ini di peringkat awal lagi. Selain daripada itu, usaha ini adalah bertujuan untuk membina kerjasama dalam bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), khususnya berkaitan dengan dyslexia.

Puan Sariah Amirin, Presiden Persatuan Dyslexia Malaysia yang juga merupakan antara penceramah



program ini banyak memberi input dan ilmu yang berguna kepada peserta. Pelbagai aktiviti telah diadakan untuk membimbing para guru tentang strategi mendidik dan menarik minat kanak-kanak dyslexia menggunakan alat bantuan yang mudah dan menarik. Selain itu, ceramah yang turut disampaikan oleh Naib Presiden Persatuan Dyslexia Malaysia, Dr. Aziz Abu Hassan telah mendapat maklumbalas yang sangat memberangsangkan daripada peserta.

Program ini dirasmikan oleh Dekan FiT, Prof. Madya Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman. Keseluruhan peserta yang terlibat adalah dalam kalangan guru tadika dan taska di negeri Terengganu serta ibu bapa yang berminat.

Twittup Alumni

Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniSZA telah menganjurkan program *Twittup* Alumni pada 25 Mei 2013. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa/i untuk berkongsi pengalaman selepas bergelar graduan.

Seramai 80 orang Alumni UniSZA telah hadir bersama-sama memeriahkan lagi program ini. Mereka telah memberikan khidmat nasihat kepada mahasiswa/i UniSZA di dalam slot bersama Alumni UniSZA secara langsung.

Program ini dirasmikan oleh Pengarah Pusat Hubungan Alumni & Kebolehpasaran Graduan, Prof Madya Dr. Razali Abdullah. Dalam ucapan perasmianya, beliau menekankan bahawa program alumni sebegini sangat penting kerana mahasiswa/i UniSZA berpeluang memperoleh maklumat dan berkongsi pengalaman daripada bekas pelajar UniSZA selepas bergelar graduan. Beliau turut berharap agar program sebegini dapat diteruskan untuk manfaat bersama.

Solat Hajat dan Bacaan Yaasin

Pada 7 Mac 2013, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniSZA, Kelab Remaja Islam Malaysia (KRIM), dan Kor Suksis telah mengadakan solat hajat perdana dan bacaan Yassin bagi mendoakan keselamatan rakyat Malaysia di Lahad Datu, Sabah dan penduduk Gaza bertempat di Masjid UniSZA.

Ini merupakan salah satu usaha dan inisiatif pihak MPP UniSZA untuk memberi sokongan serta bantuan dari jarak jauh kepada saudara Islam di sana. Presiden MPP UniSZA 2012/2013, Muhammad Marzuqi Zainal Adlan melafazkan rasa syukur dengan sambutan yang telah diberikan oleh warga UniSZA. Ini menunjukkan bahawa warga UniSZA cakna dan peka dengan permasalahan yang dihadapi oleh saudara sesama Islam di luar sana.

UniSZA Hulur Bantuan Kepada Mangsa Banjir



Program Sukarelawan Pasca Banjir yang dianjurkan oleh Unit Hubungan Luar (HEPA) telah diadakan pada 4 – 5 Januari 2013 bertempat di Jertih, Besut dan Bukit Mentok, Air Putih Kemaman. Seramai 80 pelajar UniSZA terlibat dengan program tersebut. Majlis pelancaran di Besut telah dirasmikan oleh ADUN Hulu Besut, Tuan Haji Nawī Mohamad, manakala di Kemaman pula, dirasmikan oleh Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Haji Ahmad Said.

Program ini dijalankan untuk membantu mangsa banjir di kedua-dua daerah berkenaan. Para sukarelawan menghulurkan sumbangan berupa barangan keperluan makanan di samping bergotong-royong membersihkan kawasan yang dilanda banjir. Selain daripada meringankan beban mangsa banjir, program sebegini dapat menanam rasa tanggungjawab dalam diri peserta dan melahirkan kesedaran tentang pentingnya semangat kerja berpasukan.

SRC Home Attack: We Care Mission 2013

Pada 20 April 2013, seramai 24 ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bersama 30 mahasiswa/i dan beberapa pegawai dari Unit Perumahan dan Kebajikan Pelajar (UPKP) UniSZA telah mengadakan program SRC Home Attack: We Care Mission 2013 di sekitar kawasan UniSZA

Buat julung-julung kalinya pihak MPP, mahasiswa/i dan pegawai UPKP bergerak bersama-sama bagi menjalankan program berkonsepkan *outreach* melibatkan mahasiswa/i yang menetap di luar kampus.

Selain itu, program sehari ini merupakan salah satu inisiatif MPP UniSZA 2012/2013 dalam usaha

mendekati dan memahami permasalahan dalam kalangan mahasiswa/i luar kampus.

Program ini melibatkan 40 buah rumah sewa mahasiswa/i yang telah dibahagi kepada lima fasa. Fasa pertama adalah di sekitar Wakaf Tengah, Padang Nenas, Gong Pok Jin, Mengabang Telipot; fasa kedua di sekitar Taman Alamanda dan Jalan Pusara, Kuala Terengganu; fasa ketiga pula melibatkan tiga kawasan di Kuala Nerus iaitu Gong Badak, Tok Jembal dan Seberang Takir; manakala fasa keempat dan kelima pula melibatkan kawasan di sekitar Batu Rakit, Alor Jambu dan Maras.

Lawatan Akademik ke Padang, Indonesia



Pada 22 - 25 Jun 2013, UniSZA telah mengadakan lawatan akademik ke Padang, Sumatra Barat, Indonesia. Lawatan ini disertai oleh lima orang delegasi UniSZA yang diketuai oleh Naib Canselor, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim.

Tujuan lawatan ini adalah untuk mengadakan jalinan kerjasama akademik dengan universiti-universiti di Padang seperti Universiti Andalas (Unand) dan Universiti Negeri Padang.

Pertemuan antara Naib Canselor UniSZA dengan Rektor Universiti Andalas pada 24 Jun telah membuahkan persetujuan untuk menjalinkan hubungan yang lebih erat terutamanya dalam program pertukaran pelajar fakulti perubatan antara UniSZA dan Unand.

Delegasi UniSZA juga telah mengadakan kunjungan hormat ke Wali Kota Bukit Tinggi. Kunjungan hormat ini bertujuan membuka ruang kepada para pelajar di Bukit Tinggi, Indonesia untuk menyambung pelajaran di UniSZA.

Selain itu, delegasi juga mengadakan perbincangan akademik bersama dengan Pengetua Madrasah Alliyah 1 dan Pengetua Madrasah Alliyah 2 di Bukit Tinggi. Dalam perbincangan itu, Naib Canselor menawarkan peluang kepada pelajar lepasan kedua-dua Madrasah Alliyah untuk menyambung pelajaran di UniSZA.



Perpustakaan UniSZA Timba Ilmu daripada Perpustakaan di Hong Kong



Dalam usaha untuk menambahbaik pengurusan perkhidmatan perpustakaan dan kemudahan infrastruktur, suatu lawatan jaringan kerja dan penandaarasan pengurusan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat telah disertai oleh Ketua Pustakawan, Puan Rohani Othman ke Perpustakaan-perpustakaan di Hong Kong, baru-baru ini.

Lawatan selama tiga hari yang dianjurkan oleh Persatuan Pustakawan Malaysia bermula 28 – 30 Januari 2013 ini turut disertai oleh 26 orang peserta dari kalangan pustakawan Malaysia sama ada sektor awam atau swasta. Ada juga antara peserta lawatan tersebut yang bukan pustakawan tetapi mempunyai perkaitan secara langsung dengan perkhidmatan perpustakaan dan juga dari kalangan Ahli Lembaga Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Malaysia.

Selain untuk menimba ilmu dan pengalaman di peringkat antarabangsa, lawatan ini juga dapat memberi pendedahan dan membuka minda serta menjana idea mengenai teknologi, kemudahan

dan perkhidmatan perpustakaan terkini serta dunia kepustakawanan secara global. Ia juga dapat menjalin kerjasama dan rangkaian perkongsian maklumat serta pembangunan perpustakaan dengan perpustakaan akademik di luar negara.

Dalam rangka lawatan ini, para peserta telah dibawa melawat ke University of Hong Kong Library (HKUL), Hong Kong Central Library, Institute of Vocational Education and Hong Kong Design Institute Library (HKDI Library) dan University of Hong Kong Science and Technology Library (UHKSTL).

Lawatan ini juga adalah suatu inisiatif untuk melaksanakan penandaarasan amalan terbaik di perpustakaan yang dilawati. Malahan, ia juga dapat menggalakkan perkongsian pintar antara universiti selain dapat mengeratkan serta memperkukuh hubungan antarabangsa di antara Malaysia dan Hong Kong.

Perpustakaan UniSZA Kongsi Pengalaman bersama UTM, NTU dan NUS



Seramai 37 peserta yang terdiri daripada dekan-dekan, wakil Pusat Tanggungjawab (PTj), sembilan Pustakawan, seorang pegawai tadbir, tujuh staf daripada kumpulan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), tiga Pembantu Perpustakaan Kanan dan seorang Juruteknik Komputer telah mengadakan lawatan kerja penandaarasan ke *Lee Wee Nam Library, Nanyang Technological University (NTU), National University of Singapore (NUS) Library* dan Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bermula 8 – 11 April 2013. Lawatan ini diketuai oleh Puan Azizah Endut, Dekan Fakulti Bahasa dan Komunikasi mewakili Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perpustakaan, Prof. Dr. Amran Ahmed.

Program ini adalah amat penting bagi perpustakaan sebagai salah satu wadah yang dapat mencetuskan idea mengenai kaedah-kaedah yang sesuai dan amalan terbaik yang boleh dipraktikkan

untuk meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan dengan menggunakan teknologi terkini.

Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan dan membuka minda serta menjana idea mengenai teknologi, kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan terkini serta dunia kepustakawanan secara global serta dapat mempelajari dan membuat pemerhatian kriteria yang perlu ada untuk menjadi *Best Academic Library*.

Ini merupakan suatu usaha bagi menjalin kerjasama dan rangkaian perkongsian maklumat serta pembangunan perpustakaan dengan perpustakaan akademik di luar negara. Di samping itu, para peserta juga dapat menambah ilmu dan berkongsi pengalaman dan pengetahuan mengenai perkembangan terkini dalam bidang perpustakaan serta bertukar-tukar idea dan berkongsi pandangan tentang hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran di perpustakaan.



Pelajar UniSZA ke Universiti Aston, Birmingham

Kecemerlangan pelajar UniSZA dalam kalangan pelajar IPTA dan IPTS lain di Malaysia tidak boleh disangkal lagi. Hal ini terbukti apabila Saudara Nazirul Ikram Sirozi, seorang pelajar semester dua bagi program Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris dengan Komunikasi (Kepujian), Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) telah terpilih untuk menyertai program *Aston International Summer University* di Aston University, Birmingham.

Pihak FBK telah mencalonkan Saudara Nazirul Ikram Sirozi untuk menyertai proses pemilihan bagi mengikuti program ini berdasarkan pencapaian akademik (CGPA) dan penglibatan aktif beliau dalam aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh pihak fakulti dan universiti. Dalam proses pemilihan tersebut, beliau dikehendaki menulis sebuah esei dalam bahasa Inggeris bertajuk *Kenapa Anda Mahu Mengikuti Kursus Musim Panas di UK?*, selain menghadiri sesi temu bual bersama pihak penganjur. Kejayaan beliau yang mampu melepasi proses pemilihan yang ketat ini membuktikan bahawa pelajar UniSZA khususnya daripada FBK memiliki kekuatan bahasa Inggeris yang amat baik serta kemahiran mempersembahkan idea menarik dalam bentuk penulisan.

Program *Aston International Summer University* ini merupakan program anjuran Persatuan Alumni Universiti Aston Malaysia dengan pengiktirafan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan telah bermula sejak tahun 2011. Setiap tahun, pihak penganjur

akan menghantar dua orang calon untuk menyertai program tersebut yang berlangsung selama tiga minggu. Pada tahun ini, program akan bermula pada 4 hingga 24 Ogos 2013. Hasil daripada proses pemilihan yang dijalankan, dua orang pelajar telah terpilih iaitu Saudara Nazirul Ikram Sirozi dari UniSZA dan seorang lagi pelajar dari UniTEN. Dalam program ini, para peserta akan mengikuti kursus komunikasi antara budaya sepanjang keberadaan mereka di Aston University, Birmingham.

Menurut Saudara Nazirul Ikram Sirozi, beliau tidak menjangka akan terpilih mengikuti program ini, namun atas sokongan dan dorongan pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa Inggeris FBK, Puan Mahani Mohamad, beliau berusaha melakukan yang terbaik sepanjang proses pemilihan peserta bagi program ini.

Sememangnya penglibatan para pelajar dengan aktiviti luar lebih-lebih lagi di peringkat antarabangsa akan memberi satu nilai tambah berguna yang mampu mencorak pemikiran kritis dan kreatif dalam kalangan pelajar. Justeru, kejayaan Saudara Nazirul Ikram Sirozi ini merupakan satu pengiktirafan tahap kecemerlangan, bukan sahaja untuk diri beliau sendiri, namun kepada warga pelajar UniSZA secara amnya. Adalah menjadi harapan bersama agar kejayaan beliau ini akan menjadi sumber inspirasi kepada pelajar-pelajar lain yang akan terus berusaha membawa nama UniSZA ke persada antarabangsa.

UniSZA Berkolaborasi Dengan Dua Universiti di China

Dalam usaha meningkatkan enrolmen pelajar luar negara untuk menyambung pengajian di UniSZA, satu lawatan kerja selama empat hari bermula 2 - 5 Julai telah diadakan ke dua buah universiti di Guangzhou, China iaitu Guangzhou University dan Guandong University of Business.

Lawatan ini diketuai oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr. Amran Ahmed dan Timbalan Pengarah Pusat Komunikasi Korporat dan Antarabangsa, Encik Cornelius Anuar Abdullah McAfee.

Delegasi telah melakukan lawatan ke Guangzhou University yang mempunyai 23 fakulti dan hampir 27 ribu pelajar. Universiti ini juga merupakan Pusat Penyelidikan Hak Asasi Manusia.

Hasil perbincangan yang diadakan, beberapa perkara berjaya mencapai kata sepakat, antaranya bidang kerjasama dalam menubuhkan pengajian *Masters in Law (Human Rights)* yang akan ditawarkan di Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) UniSZA kepada pelajar-pelajar dari China, Malaysia dan Asia Tenggara.

Turut dibincangkan adalah kerjasama yang dapat diadakan bersama dengan Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), UniSZA yang menawarkan kursus-kursus bahasa kerana di Guangzhou University turut



menawarkan *Masters in Teaching Mandarin*.

Sementara itu Guandong University of Business Studies yang pada masa ini mempunyai jalinan kerjasama dengan beberapa negara seperti Australia, Amerika Syarikat dan Eropah juga menunjukkan minat untuk berkolaborasi dalam beberapa bidang terutamanya berkaitan program yang ditawarkan di Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan (FPPP) dan juga Fakulti Informatik (FIT).

Sekiranya kerjasama ini berjaya direalisasikan, UniSZA merupakan universiti pertama dari Malaysia yang bekerjasama dengan universiti ini.



Program Mobiliti Pelajar FPB ke Chiang Mai

Jabatan Sains Haiwan, Fakulti Pertanian dan Bioteknologi (FPB), UniSZA telah mengadakan Program Mobiliti Pelajar tahun akhir sesi 2012/2013 ke Chiang Mai pada 6 - 11 April 2013. Program ini bertujuan menyahut seruan untuk memberi pendedahan dan pengalaman di luar negara kepada para pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Produksi dan Kesihatan Haiwan dengan Kepujian seperti yang digalakkan oleh pihak universiti. Seramai tiga orang pensyarah pengiring dan 23 orang pelajar telah menyertai program ini.

Pihak University Chiang Mai (CMU) telah menguruskan hal berkenaan lojistik dan memberikan kerjasama serta layanan yang amat baik kepada rombongan. Rombongan telah meninjau secara dekat persekitaran pembelajaran dan fasiliti di CMU dan satu perbincangan dengan pihak Fakulti Pertanian CMU telah diadakan bagi menyampaikan hasrat untuk menjalinkan hubungan dua hala antara CMU dan UniSZA khusus melibatkan kerjasama penyelidikan, penganjuran seminar berkala dan pertukaran pelajar pada masa akan datang.

Para peserta rombongan turut dibawa melawat bandaraya Chiang Mai, termasuk *Chiang Mai Arts and Cultural Centre*. Selain itu, rombongan dibawa melawat ke *Handicraft Centre* iaitu sebuah pusat perusahaan membuat payung yang terkenal di Chiang Mai. Rombongan juga mengunjungi pasar malam hari minggu yang terbesar di Chiang Mai.

Rombongan turut mendapat jemputan untuk melawat sebuah kilang makanan kedua terbesar di Thailand iaitu BETAGRO Feedmill. Banyak pengalaman yang amat berguna diperoleh khususnya tentang pengurusan dan perjalanan sebuah kilang makanan ternakan yang moden. Peserta rombongan telah dibawa melawat ladang ternakan lembu tenusu yang terbesar di Thailand dengan kapasiti terbanyak iaitu 4,000 ekor dengan bilangan yang sedang berlaktasi sebanyak 1,600 ekor. Kesemuanya merupakan lembu baka tulen Holstein x Friesian dengan penggunaan kipas untuk menyejukkan suasana bagi lembu baka tulen di negara tropika ini. Fasiliti direka sepenuhnya



oleh pakar peralatan tenusu terkenal Alfa laval. Pelajar yang mengikuti rombongan ini amat bertuah kerana mendapat pendedahan berkenaan teknologi yang canggih dengan sistem pemberian makanannya secara automatik iaitu dengan menggunakan *chips* bagi setiap ekor lembu untuk mengetahui kadar makanan yang diperlukan.

Program rombongan turut diisi dengan lawatan ke sebuah ladang ternakan ikan keli yang besar dikenali sebagai *Giant Catfish Farm*. Spesis ikan bersaiz besar ditenak dalam ladang ikan tersebut dengan anggaran berat 20 kg seekor dan boleh mencapai berat sehingga 100 kg seekor.

Pada 11 April 2013, rombongan telah mengadakan perjumpaan dengan pihak penganjur dari CMU untuk mengucapkan salam perpisahan sebelum pulang ke UniSZA. Rombongan mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur yang telah menyediakan pengisian program yang amat bermanfaat kepada para peserta khususnya melibatkan pendedahan tentang penternakan dan pengilangan makanan haiwan yang berskala besar dan maju.

Pada keseluruhannya program ini telah berjaya memberi pendedahan berguna kepada para pelajar tentang beberapa cabang industri penternakan yang amat maju di negara Thailand.



Kem Pemantapan Atlet UniSZA Siri 2, 2013

Pusat Sukan dan Rekreasi, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UniSZA telah menganjurkan Kem Pemantapan Atlet UniSZA Siri 2 pada 4 - 6 Julai 2013 baru-baru ini bertempat di 1M4U Outreach Camp, Merang. Kem ini adalah sebahagian daripada persiapan sebelum menyertai Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2013 yang akan berlangsung di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada bulan Ogos ini. Seramai 96 orang atlet daripada 14 acara sukan telah menyertai kem ini.

Pengisian kem yang padat dengan program seperti ceramah motivasi, aktiviti *night walk*, *iron man* dan beberapa lagi aktiviti berkumpulan diharap dapat membentuk dan menerapkan nilai disiplin, jati diri, motivasi serta semangat kerjasama dalam kalangan peserta. Kem ini yang turut dihadiri oleh Timbalan

Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniSZA, Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar, sedikit sebanyak telah membakar semangat juang atlet UniSZA agar dapat mengharumkan nama universiti di persada sukan IPT khususnya pada sukan MASUM nanti. Melalui amanat yang disampaikan, beliau berharap agar semua atlet UniSZA dapat berjuang dengan penuh disiplin serta mencuba sedaya upaya untuk meraih seberapa banyak pingat demi menaikkan nama universiti.

Pusat Sukan dan Rekreasi UniSZA turut melontarkan cabaran kepada para atlet dengan meletakkan sasaran tujuh pingat emas pada Karnival Sukan MASUM nanti. Diharap pasukan memanah, taekwondo, karate do, menembak, kayak dan rowing dapat merealisasikan hasrat untuk meraih pingat tersebut.



Semarak Citra 1UniSZA



Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UniSZA dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniSZA telah menganjurkan 'Semarak Citra 1 UniSZA' pada 24 Mei 2013. Program ini mengentengahkan elemen warisan dan kebudayaan. Turut diselitkan dalam program tersebut ialah pembudayaan keusahawanan yang melibatkan semua pelajar UniSZA yang terdiri daripada pelajar Melayu, Cina, India, Orang Asli, etnik Sabah dan Sarawak dan pelajar-pelajar antarabangsa.

Berbekalkan etnik dan suku kaum yang pelbagai dan unik ini, maka program ini dijadikan sebagai satu platform untuk menentengahkan kreativiti serta pembudayaan keusahawanan dalam kalangan pelajar UniSZA sendiri.

Buat julung-julung kalinya mahasiswa/i UniSZA dapat merasakan masakan masyarakat kaum Cina dan India secara langsung yang dimasak oleh mahasiswa/i UniSZA. Terdapat juga jualan barangan dan pakaian tradisional dipamerkan seperti sari, cheongsam dan pelbagai lagi.

Menariknya program ini diisi dengan slot Tutorial Catur Cina yang diajar oleh pemain catur hebat UniSZA. Program ini dirasmikan oleh Pengarah Pusat Kesenian dan Warisan UniSZA Encik Sahar Sa'di Hashim. Dalam ucapan perasmianya, beliau menzahirkan rasa bangga terhadap mahasiswa/i UniSZA yang bersama-sama berganding bahu mengekalkan kesenian budaya masyarakat Malaysia.

Language and Cultural Day 2013



Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), UniSZA telah menganjurkan *Language and Cultural Day 2013* pada 9 Mei 2013 bertempat di dataran *Speaker's Corner*, UniSZA.

Program yang dilangsungkan selama satu hari ini merangkumkan aktiviti seperti pameran daripada pelbagai bahasa dan kebudayaan. Terdapat tujuh buah gerai pameran telah dibuka sepanjang program itu berlangsung iaitu gerai pameran bahasa Melayu, gerai pameran bahasa Inggeris, gerai pameran bahasa Mandarin, gerai pameran bahasa Thai, gerai pameran bahasa Vietnam, gerai pameran bahasa Arab dan gerai pameran bahasa Jepun.

Program ini ialah sebahagian daripada kursus Perancangan & Pengurusan Acara (BKE 4073: Events Management & Planning). Ia dapat memupuk minat terhadap keindahan berbahasa serta kepelbagaian budaya dari seluruh dunia. Selain itu, ia mewujudkan keprihatinan pelajar terhadap nilai-nilai estetika bahasa serta budaya.

Antara aktiviti yang dianjurkan sepanjang program itu berlangsung ialah persembahan kebudayaan daripada Negara Thai, Vietnam, Jepun, Malaysia, China, Arab dan persembahan sajak dan puisi dalam bahasa Inggeris. Selain itu, terdapat juga kuiz bahasa dan kebudayaan di gerai-gerai pameran yang terlibat. Para pelajar dan pengunjung telah berpeluang menyaksikan demonstrasi masakan daripada pelbagai negara di setiap gerai pameran di samping dapat melihat demonstrasi pakaian tradisional di setiap gerai pameran terbabit.



Program *Language and Cultural Day 2013* ini telah disempurnakan perasmiannya oleh Dekan FBK, Puan Hajjah Azizah Endut. Dalam ucapannya, beliau menyeru agar program seumpama ini dapat diteruskan setiap tahun kerana dapat memperkenalkan budaya pelbagai negara di samping bahasa rasmi negara masing-masing.

Program ini telah mendapat sambutan menggalakkan daripada para pelajar UniSZA dan ia akan diteruskan pada setiap tahun supaya lebih banyak pendedahan terhadap kepelbagaian bahasa dan kebudayaan dapat diketengahkan kepada para pelajar.



Pasukan PKS Memanah UniSZA Raih Juara Keseluruhan 2nd Surabaya Open Archery Tournament 2013



UniSZA selaku Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) Memanah telah menghantar pasukan IPT Malaysia ke 2nd Surabaya Open Archery Tournament 2013 yang berlangsung pada 1 - 6 Jun 2013 bertempat di Surabaya, Indonesia. Pasukan IPT Malaysia yang diwakili oleh 12 orang atlet *recurve* serta *compound* lelaki dan wanita telah meraih 13 emas, sembilan perak dan enam gangsa pada kejohanan tersebut seterusnya dinobatkan sebagai juara keseluruhan.

Kejohanan ini merupakan kejohanan kali kedua yang dianjurkan secara terbuka untuk penyertaan daripada pasukan luar Indonesia. Ia merupakan kejohanan tahunan yang dianjurkan sempena menyambut ulang tahun penubuhan kota Surabaya yang ke-720. Kejohanan ini telah melibatkan penyertaan daripada 14 pasukan, iaitu 12 dari Indonesia dan dua dari Malaysia. Kejohanan ini dianggap kompetitif kerana pasukan pelapis kebangsaan Indonesia serta dua orang atlet Sukan SEA Indonesia turut mengambil bahagian. Piala pusingan (Piala Wali Kota) disediakan kepada pasukan yang berjaya dinobatkan sebagai juara keseluruhan.

Penyertaan ke kejohanan ini merupakan satu medan pendedahan yang terbaik kepada pasukan IPT Malaysia kerana ia merupakan sebahagian daripada persediaan sebelum menyertai kejohanan utama di peringkat universiti iaitu *World University Archery Championship 2014* dan *Asean University Games 2014* nanti.



Jumlah Staf UniSZA Mengikut Kategori

Bil	Kategori	Jumlah
1	Pengurusan Dan Profesional	148
2	Akademik	653
4	Sokongan	744
Jumlah		1545

Jumlah Staf Akademik UniSZA Tempatan dan Antarabangsa

Bil	Kategori	Jumlah
1	Tempatan	612
2	Antarabangsa	41
Jumlah		653

Jumlah Pelajar Prasiswazah Mengikut Pengajian dan Jantina

	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Sarjana Muda	1059	2887	3946
DPLI	12	80	92
Diploma	931	2153	3084
Jumlah	2002	5120	7122

Jumlah Pelajar Prasiswazah Tempatan dan Antarabangsa Mengikut Jantina

	Lelaki	Antarabangsa	Jumlah
Malaysia	1992	5099	7091
Antarabangsa	10	21	31
Jumlah	2002	5120	7122

Enrolmen Pelajar Siswazah Mengikut Fakulti dan Kategori Pelajar

Fakulti	Pelajar				Jumlah
	Antarabangsa		Tempatan		
	Sarjana	Doktor Falsafah	Sarjana	Doktor Falsafah	
Fakulti Informatik dan Komputeran	-	-	12	1	13
Fakulti Bahasa dan Komunikasi	2	2	9	10	23
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam	2	2	48	17	69
Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan	1	1	10	17	29
Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa	-	-	2	-	2
Fakulti Reka Bentuk dan Teknologi Kejuruteraan	-	-	1	-	1
Fakulti Pertanian, Bioteknologi dan Sains Makanan	-	2	32	3	37
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	1	1	13	5	20
Jumlah	6	8	127	53	194



Universiti Sultan Zainal Abidin Membina Perubahan, Menggapai Impian

Syarah Naib Canselor UniSZA
Prof. Dr. Yahaya Ibrahim
2013
ISBN: 978-983-9842-62-3

Syarah Tahunan 2013 yang bertajuk *Universiti Sultan Zainal Abidin: Membina Perubahan, Menggapai Impian* ini melakar visi dan misi Naib Canselor, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim, yang berhasrat membina perubahan jangka pendek dan jangka panjang bagi Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Bertolak daripada amanah yang diberikan kepadanya untuk memimpin UniSZA, syarahan ini menggariskan peranan yang ingin dimainkan oleh Prof. Dr. Yahaya Ibrahim sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Ketua Pegawai Akademik (*Chief Academic Officer*), dan Ketua Diplomat (*Chief Ambassador*) untuk menggerakkan UniSZA ke arah menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang cemerlang dan berdaya saing. Gerakan ini melibatkan langkah pengukuhan perpaduan sosial dalam kalangan warga UniSZA, menyusuri warisan keilmuan yang sedia ada, mencetuskan transformasi minda, membina citra dan keilmuan baharu, mencipta iklim akademik yang mekar, membangunkan kampus yang lestari, mentransformasi struktur dan organisasi pengurusan, merencanakan kegiatan penyelidikan dan penerbitan, dan membina jaringan antarabangsa.

Dinamika Pendidikan Bahasa Arab Menelusuri Inovasi Profesionalisme Keguruan

Penyunting: Kamarul Shukri Mat Teh, Zulazhan Ab. Halim, Mohd Shahrizal Nasir,
Nurazan Mohmad Rouyan
ISBN: 978-983-9842-56-2
Harga: RM30.00



Buku ini mengandungi lapan bab yang menghuraikan topik perbincangan berkaitan pendidikan bahasa Arab sebagai bahasa asing atau bahasa kedua. Perbincangan menyentuh secara khusus beberapa kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang membuka satu dimensi baru ke arah pelestarian inovasi dalam bidang ini. Pemanfaatan teknologi dalam pendidikan bahasa Arab dapat membantu para pendidik untuk menyemai budaya belajar secara sendiri dalam diri pelajar, selain ia memperlihatkan perkembangan dunia pendidikan bahasa Arab yang seiring dengan perkembangan pendidikan bahasa-bahasa utama lain di dunia. Penyusunan bab-bab dalam buku ini dibuat secara sistematik iaitu dimulai dengan tajuk-tajuk berkaitan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, dan diakhiri dengan tajuk-tajuk yang melibatkan perbincangan tentang pentaksiran dan penilaian. Kesemua tajuk yang terkandung dalam buku ini adalah relevan dengan bidang pendidikan di semua peringkat, sama ada peringkat rendah mahupun pendidikan bahasa Arab pada peringkat tinggi. Justeru, buku ini amat sesuai untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada para pendidik, penyelidik dan pelajar bahasa Arab. Hal ini bertepatan dengan tajuk buku yang mencerminkan satu usaha memartabatkan profesionalisme keguruan menerusi cabang inovasi pendidikan. Diharapkan agar buku ini dapat memberi manfaat kepada mereka yang terlibat dalam lapangan pendidikan bahasa Arab untuk memahami, mendalami dan menyebarkan pengetahuan serta penggunaan bahasa Arab di Malaysia.

Nation Building for Palestine A Way Forward

Ucuptama Naib Canselor UniSZA di 'Inspired Engineering for a Sustainable Environment'
Prof. Dr. Yahaya Ibrahim
2013
ISBN: 978-983-9842-61-6



Syarah perdana ini yang bertajuk *Nation Building for Palestine: A Way Forward* telah dibentangkan di Islamic University of Gaza, Palestin dua bulan selepas lawatan Perdana Menteri YAB Dato' Seri Mohd Najib Abdul Razak ke Gaza pada Januari 2013. Ia mengenengahkan pandangan agar pengertian *sustainable development* yang seringkali menggunakan model barat diberi makna baru mengikut kesesuaian setempat dan keadaan di Gaza yang sudah lama terkepung dari dunia luar. Syarahan ini mencadangkan agar asas kegemilangan peradaban Islam lampau yang bukan bermula dengan kekuatan material, tetapi dengan kekuatan iman, visi dan imaginasi perlu dimulakan kembali di Gaza. Berpaksikan dengan iman, pembentukan visi yang jelas untuk menjadikan Islam sebagai *al-Din al-Hayah* telah berjaya membentuk sistem dan nilai-nilai yang murni di peringkat global. Ditambah dengan imaginasi mereka untuk meletakkan umat Islam sebagai khalifah dan model kepada manusia menjadi formula luar biasa membentuk ketamadunan dan orde baru dunia. Negara Palestine dan bangsanya dilihat berupaya membangunkan model baru sebuah negara moden yang berada di landasan kepada konsep negara mampan yang bertunjangan kepada *al-Sirat al-Mustaqim* yang bermatlamat untuk mencapai keharmonian hidup selaras dengan ajaran Islam. Konsep pembangunan mampan ini mendukung semua nilai positif seperti ubudiyah, kerjasama, kuat bekerja, hidup bersama secara harmoni dan sebagainya, manakala nilai-nilai negatif seperti kronisme, rasuah, kepentingan peribadi, keuntungan duniawi, mengabaikan keamanan dan kestabilan ekosistem dan sebagainya yang bersifat melampau dan menyeleweng perlu ditolak secara total. Kesemuanya bukan mustahil untuk dicapai bagi sebuah negara dan kerajaan yang bakal dibina di Palestin yang mempunyai niai sejarah peradaban yang panjang, nilai positif dan budaya murni masyarakat, kedudukan geografi, iklim, semangat daya juang yang tinggi serta faktor kerjasama dari negara-negara Islam yang lain.